A

# Pendakwa Raya lwn Karpal Singh a/l Ram Singh

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05–233 TAHUN 2010
AHMAD MAAROP, CLEMENT SKINNER DAN APANDI ALI HHMR
20 JANUARI 2012

C

*Prosedur Jenayah — Pendakwaan — Kes prima facie — Hasutan — Isu lantikan Menteri Besar — Sidang akhbar oleh tertuduh — Kriteria yang perlu dibuktikan oleh pendakwaaan bagi membuktikan kesalahan di bawah s 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 — Sama ada perkataan yang digunakan mempunyai kecenderungan menghasut — Sama ada keganasan sebenar atau reaksi adverse sebenar perlu dibuktikan — Sama ada pandangan saksi menjadi penentu — Sama ada niat untuk membangkitkan keganasan, kekacauan atau ketidaktenteraman perlu dibuktikan — Sama ada kebenaran atau kepalsuan perkataan material — Sama ada hasutan terbukti — Akta Hasutan 1948 ss 3 & 4*

D

E

*Prosedur Jenayah — Pendakwaan — Ucapan pembukaan — Ucapan pembukaan tidak menyebut bahawa pendakwaan bergantung kepada s 3(1)(f) Akta Hasutan 1948 — Sama ada pihak pendakwaan boleh bergantung kepada s 3(1)(f) semasa perbicaraan — Sama ada tertuduh diletakkan dalam 'tactical disadvantage' yang menyebabkan ketidakadilan*

F

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Notis rayuan — Kecacatan — Notis rayuan merujuk kepada s 41(1) Akta Hasutan 1948 di mana seksyen sedemikian tidak wujud — Seksyen yang sepatutnya dirujuk adalah s 4(1) — Sama ada notis rayuan tidak sah dan batal — Sama ada hanya satu kesilapan menaip kecil yang tidak memprejudis atau mengelirukan responden*

G

*Undang-Undang Jenayah — Akta Hasutan (Malaysia) — ss 3, 4 — Isu melantik Menteri Besar — Sidang akhbar oleh tertuduh — Kriteria yang perlu dibuktikan oleh pendakwaaan bagi membuktikan kesalahan di bawah s 4(1)(b) — Sama ada perkataan yang digunakan mempunyai kecenderungan menghasut — Sama ada keganasan sebenar atau reaksi adverse sebenar perlu dibuktikan — Sama ada pandangan saksi menjadi penentu — Sama ada niat untuk membangkitkan keganasan, kekacauan atau ketidaktenteraman perlu dibuktikan — Sama ada kebenaran atau kepalsuan perkataan material*

H

I

*Undang-Undang Perlembagaan — Undang-undang — Keesahan undang-undang yang dipersoalkan — Sama ada s 3(1)(f) Akta Hasutan 1948*

*tidak berpelembagaan — Prinsip 'presumption of constitutionality' — sama ada terdapat alasan bagi memutuskan bahawa s 3(1)(f) adalah tidak berpelembagaan*

Responden telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan satu tuduhan bagi kesalahan menyebut perkataan-perkataan menghasut di bawah s 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 ('Akta 15'). Pada 6 Februari 2009 responden dikatakan telah mengadakan sidang akhbar di pejabat guamannya di Kuala Lumpur. Sidang akhbar tersebut dihadiri oleh beberapa orang wartawan dan jurukamera dari beberapa wakil media masa. Sidang akhbar tersebut terbahagi kepada dua segmen. Dalam segmen pertama, responden membaca teks kenyataan akhbarnya yang sudah disediakan ('eksh P3') yang telah diedarkan oleh responden kepada para wartawan yang hadir. Segmen kedua pula adalah sessi soal jawab antara responden dengan para wartawan seperti mana dalam transkrip ('eksh P8'. Pada akhir kes pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden. Lantaran itu responden telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. Maka, pendakwa raya telah mengemukakan rayuan ini. Timbalan pendakwa raya ('TPR') menghujahkan bahawa perkataan-perkataan responden jelas mempersoalkan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa DYMM Sultan Perak, di bawah perkara 16(2) Perlembagaan Negeri Perak, yang dijamin oleh perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Responden berhujah bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) dan s 3(1)(d) Akta 15 walhal dalam ucapan pembukaan tersebut tidak disebut di mana-mana bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada s 3(1)(f) Akta 15. Responden berhujah bahawa tiba-tiba di Mahkamah Rayuan, responden diserang hendap oleh TPR dengan hujahnya bahawa pihak pendakwaan juga bergantung kepada s 3(1)(f) Akta 15. Responden juga berhujah bahawa s 3(1)(f) Akta 15 adalah tidak berpelembagaan. Di awal pendengaran rayuan kes ini, responden telah mengemukakan bantahan awal bahawa notis rayuan yang difailkan oleh pendakwa raya Malaysia adalah tidak sah dan batal kerana notis rayuan tersebut merujuk kepada s 41(1) Akta 15 apabila s 41(1) tidak wujud dalam Akta 15. TPR berhujah bahawa terdapat kesilapan menaip dalam notis rayuan tersebut dan bahawa seksyen yang sepatutnya dirujuk adalah s 4(1) Akta 15.

**Diputuskan**, menolak bantahan awal responden dan membenarkan rayuan pendakwa raya:

(1) Notis rayuan tersebut merujuk kepada nombor kes perbicaraan dan pihak-pihak yang sama dengan perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Petisyen rayuan yang difailkan oleh pendakwa raya berikutan dengan notis rayuan tersebut juga merujuk kepada nombor kes perbicaraan yang sama dengan nombor perbicaraan di Mahkamah Tinggi dan juga pihak-pihak yang sama. Kesilapan menaip itu adalah kecil dan tidak memprejudis atau mengelirukan responden (lihat perenggan 4–5).

(2) Satu keputusan boleh dibuat atas asas yang tidak dinyatakan oleh pihak pendakwaan dalam ucapan pembukaannya. Tetapi ianya mestilah dilakukan sebegitu rupa supaya ianya tidak meletakkan orang kena tuduh dalam *tactical disadvantage* yang menyebabkan ketidakadilan kepadanya; *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409 dirujuk (lihat perenggan 33).

(3) Saksi-saksi yang hadir dalam sidang akhbar responden dan pengadu-pengadu laporan-laporan polis telah disoal balas oleh responden dan ditanya pandangan mereka terhadap perkataan-perkataan responden. Dalam keadaan itu, responden telah tidak diletakkan dalam *tactical disadvantage* yang membawa prejudis kepadanya. Maka, pihak pendakwaan boleh bergantung kepada s 3(1)(f) Akta 15 (lihat perenggan 37–38).

(4) Dalam undang-undang Perlembagaan terdapat prinsip mengenai *presumption of constitutionality* yang memihak kepada keesahan s 3(1)(f) Akta 15. Tidak terdapat sebarang alasan bagi mahkamah untuk memutuskan bahawa s 3(1)(f) Akta 15 adalah tidak berpelembagaan. Maka mahkamah memutuskan bahawa s 3(1)(f) Akta 15 adalah berpelembagaan; *Public Prosecutor v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566 dirujuk, *Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar v Kajing Tubek* [1997] 3 MLJ 23 dirujuk (lihat perenggan 46–47).

(5) Untuk membuktikan kesalahan di bawah s 4(1)(b) pihak pendakwaan mesti membuktikan orang kena tuduh itu menyebut perkataan-perkataan menghasut. Untuk membuktikan perkataan-perkataan tersebut menghasut, pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan bahawa perkataan-perkataan tersebut mempunyai kecenderungan menghasut seperti mana yang dijelaskan di bawah mana-mana satu atau lebih dari enam perenggan di bawah s 3(1)(a)–(f). Pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan bahawa perkataan-perkataan orang kena tuduh itu telah menyebabkan keganasan sebenar atau reaksi *adverse* sebenar. Pandangan saksi-saksi yang mendengar perkataan-perkataan yang didakwa menghasut itu juga bukan penentu dan tidak relevan dalam pertimbangan sama ada perkataan-perkataan tersebut menghasut. Mahkamahlah yang mesti memutuskan sama ada perkataan-perkataan tersebut menghasut atau tidak. *Public Prosecutor v Mark Koding* [1983] 1 MLJ 111 dirujuk (lihat perenggan 55).

(6) Bagi kesalahan menghasut di bawah Akta 15 juga tidak ada keperluan untuk membuktikan niat untuk membangkitkan keganasan, kekacauan atau ketidaktenteraman. Adalah juga tidak material sama ada perkataan-perkataan yang didakwa itu benar atau palsu. Orang kena tuduh tidak dibolehkan memberi alasan bahawa dia tidak berniat supaya

perkataan-perkataannya itu membawa maksud semula jadinya. *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108 dirujuk (lihat perenggan 57–58).

(7) Perkataan-perkataan responden disebut dalam keadaan di mana terdapat krisis politik di negeri Perak. Perkataan-perkataan responden itu telah dinyatakan dalam sidang akhbar yang diadakan oleh responden. Tiada keraguan bahawa sidang akhbar tersebut dibuat dengan niat atau sekurang-kurangnya dengan harapan supaya apa yang dinyatakan dalam sidang akhbar tersebut akan disiarkan. Dalam sidang akhbar tersebut bukan sekali responden menyatakan perkataan-perkataan yang jelas membawa maksud bahawa DYMM Sultan Perak tidak menghormati dan tidak mengikut undang-undang. Selepas menyatakan bahawa pemecatan Menteri Besar Perak, Dato' Seri Nizar adalah jelas *ultra vires* perkara 16(6), dan bahawa keputusan Baginda boleh dipersoalkan di mahkamah, responden tidak berhenti di situ. Beliau terus berulang-kali menyatakan perkataan-perkataan yang jelas membawa pengertian bahawa DYMM Sultan Perak melanggar undang-undang, tidak mengikut undang-undang atau tidak menghormati undang-undang. Di samping itu responden jelas mempersoalkan kuasa DYMM Sultan Perak untuk melantik Menteri Besar di bawah perkara 18(2)(a) Perlembagaan Negeri Perak. Bukan setakat itu sahaja, malah beliau telah memberi peringatan tegas (amaran) kepada Baginda supaya menghentikan tindakan Baginda untuk melantik Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang baru (lihat perenggan 98–100).

(8) Responden telah melepasi garis yang memisahkan pernyataan perkataan-perkataan yang dibenarkan oleh undang-undang dengan pernyataan perkataan-perkataan menghasut. Pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap responden bagi kesalahan menyebut perkataan-perkataan menghasut seperti mana pertuduhan terhadap beliau (lihat perenggan 103).

**[English summary**

The respondent was charged in the High Court for an offence of uttering seditious remarks under s 4(1)(b) of the Sedition Act 1948 ('Act 15'). On 6 February 2009 the respondent was alleged to have conducted a press conference in his law firm in Kuala Lumpur. The press conference was attended by a few journalists and cameramen and representatives from the mass media. The press conference was divided into two segments. In the first segment, the respondent read his press statement which had been pre-prepared (exh P3) and circulated by the respondent to the journalists present. Whereas, the second segment was a question and answer session between the respondent and the journalists as contained in the transcript (exh P8). At the end of the prosecution's case, the High Court decided that the prosecution had failed to establish a prima facie case against the respondent. Thus the respondent was

A acquitted and discharged without being called to enter his defence. Hence, the public prosecutor appealed. The deputy public prosecutor ('DPP') contended that the respondent's words clearly questioned the prerogative, power and jurisdiction of DYMM Sultan of Perak, under art 16(2) of the Laws of the Constitution of Perak, which was protected by art 181 of the Federal B Constitution. The respondent contended that the prosecution relied on the seditious tendency under s 3(1)(a) and s 3(1)(d) of Act 15 whereas in the opening speech it was not stated anywhere that the prosecution relied on s 3(1)(f) of Act 15. The respondent submitted that all of a sudden, at the Court of Appeal, the respondent was ambushed by the DPP with his submission that C s 3(1)(f) of Act 15 was unconstitutional. At the beginning of the appeal hearing of this case, the respondent made a preliminary objection that the notice of appeal filed by the Malaysian public prosecutor was invalid and void as the notice of appeal referred to s 41(1) of Act 15 when s 41(1) does not exist in Act 15. The DPP contended that there was typo error in the notice of appeal and D that the section that should have been referred to was s 4(1) of Act 15.

**Held**, dismissing the respondent's preliminary objection and allowing the prosecution's appeal:

E (1) The notice of appeal referred to the case trial number and the same parties in the trial at the High Court. The petition of appeal filed by the prosecution pursuant to the notice of appeal also referred to the same case trial number as the trial number at the High Court and the same parties. The typo error was very minor and did not prejudice or confuse the F respondent (see paras 4–5).

(2) A decision could be made on the grounds not stated by the prosecution in his opening speech. However, it must be done in such a way that it did not put the accused in a tactical disadvantage which could cause prejudice to him; *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409 G referred (see para 33).

(3) The witnesses who were present at the press conference and the complainants in the police reports were cross-examined by the respondent and was asked their opinion on the words uttered by the H respondent. In the circumstances, the respondent was not put in a tactical disadvantage which could cause prejudice to him. Thus, the prosecution could rely on s 3(1)(f) of Act 15 (see paras 37–38).

(4) In the law of the Constitution, there is a principle of presumption of constitutionality which is in favour the legality of s 3(1)(f) of Act 15. I There was no reason for the court to decide that s 3(1)(f) of Act 15 is unconstitutional. Therefore the court concluded that s 3(1)(f) of Act 15 is constitutional; *Public Prosecutor v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566 referred, *Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar v Kajing Tubek* [1997] 3 MLJ 23 referred (see paras 46–47).

(5) To establish an offence under s 4(1)(b) the prosecution must prove that the accused had uttered the seditious words. In order to prove that the words were seditious, the prosecution had to only prove that the words has the seditious tendency enumerated under one or more than six paragraphs under s 3(1)(a)–(f). The prosecution need not prove that the words uttered by the accused had caused actual violence or actual adverse reaction. The opinion of the witnesses' who had heard the alleged seditious words did not determine and was not relevant consideration of whether the words were seditious. It was the court that must decide whether the words were seditious or not; *Public Prosecutor v Mark Koding* [1983] 1 MLJ 111 referred (see para 55).

(6) For an offence of sedition under Act 15 also there was no need to prove the intention to incite violence, tumult or public disorder. It was also immaterial whether the words alleged were true or false. The accused person could not give the excuse that he did not intend that the words contain its natural meaning;*Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108 referred (see paras 57–58).

(7) The words were uttered by the respondent in a situation where there was a political crisis in the State of Perak. The respondent's words were uttered in a press conference conducted by the respondent. There was no doubt that the press conference was done with the intention or at least with the hope that what was said in the press conference would be published. In the press conference, not once the respondent uttered the words which clearly carried the meaning that the DYMM Sultan of Perak did not respect or did not comply with the law. After stating that the termination of the Perak Menteri Besar, Dato' Seri Nizar was clearly ultra vires art 16(6), and the decision of His Royal Highness could be questioned in court, the respondent did not stop there. He continuously stated that the words which clearly carried the meaning that DYMM Sultan of Perak had contravened the law, did not comply with the law and did not respect the law. Apart from that, the respondent clearly questioned the power of DYMM Sultan of Perak in the appointment of Menteri Besar under art 18(2)(a) of the Laws of the Constitution of Perak. Not only that, but he had also given a stern reminder (warning) to His Royal Highness to cease his act of appoint the Menteri Besar and the new State Assembly (see paras 98–100).

(8) The respondent had crossed the line that had separated the utterance of words allowed by the law with the seditious words. The prosecution had established a prima facie case against the respondent for the offence of uttering seditious remarks as per the charge against him (see para 103).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai keesahan undang-undang yang dipersoalkan, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2551–2556.

Untuk kes-kes mengenai kes prima facie, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3109–3135.
Untuk kes-kes mengenai ss 3, 4, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3242–3245.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Adegbenro v Akintola* [1963] AC 614, PC (dirujuk)
*Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
*Council of Civil Service Union & Ors v Minister for the Civil Service* [1984] 3 All ER 935, HL (dirujuk)
*Dato' Dr Zambry bin Abd Kadir v Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Attorney General of Malaysia, intervener)* [2009] 5 MLJ 464, MR (dirujuk)
*Dato' Seri Ir Haji Mohammad Nizar Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir; Attorney General (interverner)* [2010] 2 MLJ 285; [2010] 2 CLJ 925, MP (dirujuk)
*Datuk (Datu) Amir Kahar bin Tun Datu Haji Mustapha v Tun Mohd Said bin Keruak Yang di-Pertua Negeri Sabah & Ors* [1995] 1 MLJ 169, MT (dirujuk)
*Datuk (Datu) Amir bin Kahar Tun Haji Mustapha v Tun Mohd Said bin Keruak & Ors* [1994] 3 MLJ 737, MT (dirujuk)
*Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Anor v Kajing Tubek & Ors and other appeals* [1997] 3 MLJ 23; [1997] 4 CLJ 253, MR (dirujuk)
*Lee Kwan Woh v PP* [2009] 5 MLJ 301; [2009] 5 CLJ 631, MP (dirujuk)
*Lim Guan Eng v PP* [1998] 3 MLJ 14, MR (dirujuk)
*Madhavan Nair & Anor v PP* [1975] 2 MLJ 264 (dirujuk)
*Mahabir Prasad Sharma v Prafulla Chandra Ghose and others* AIR 1969 Cal 198, MT (dirujuk)
*Melan bin Abdullah & Anor v PP* [1971] 2 MLJ 280 (dirujuk)
*PP v Fan Yew Teng* [1975] 1 MLJ 176 (dirujuk)
*PP v Mark Koding* [1983] 1 MLJ 111 (refd)
*PP v Oh Keng Seng* [1977] 2 MLJ 206, MP (dirujuk)
*PP v Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108 (dirujuk)
*PP v Param Cumaraswamy* [1986] 1 MLJ 512 (dirujuk)
*PP v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566, MA (dirujuk)
*PP v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197, MP (dirujuk)
*Tan Boon Liat @ Allen & Anor; Tan Boon Liat & Anor v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors; Re* [1977] 2 MLJ 108, MP (dirujuk)
*Teh Cheng Poh v PP* [1979] 1 MLJ 50, PC (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya s 39B
Akta Hasutan 1948 ss 2, 3, 3(1)(a), (1)(b), (1)(c), (1)(d), (1)(e), (1)(f), 3(2), 3(2)(a), 4, 4(1), (1)(b), 6(1)
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 84(1)
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 62

Emergency (Essential Powers) Ordinance 1969
Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969 s 4(1)
Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations 1975
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 k 58, Borang 5
Kanun Acara Jenayah ss 155, 180(4)
Kanun Keseksaan s 300, 300(a), (c)
Perlembagaan Negeri Perak perkara 16(1), (2), (6), 18(2)(a), (2)(b), 33, 33(1)
Perlembagaan Persekutuan perkara 10(1), (2), (3), (4), 39, 40(1), (1A), (2), (3), 151(1)(b), 160, 181, 181(1)

**Rayuan daripada:** Perbicaraan No 45–10 Tahun 2009 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

*Noorin bt Badaruddin (Najib bin Zakaria bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.*
*Karpal Singh (Jagdeep Singh Deo, Gobind Singh Deo, Ramkarpal Singh dan Sangeet Kaur Deo bersamanya) (Karpal Singh & Co) RSN Rayer (Ramesh Sivakumar dan Teoh Lib Peng) bagi pihak responden.*
*Rajpal Singh (Majlis Peguam Malaysia) peguam pemerhati.*

**Ahmad Maarop HMR:**

PENGENALAN

**[1]** Kami telah menangguhkan keputusan dalam kes ini selepas mendengar hujah kedua-dua pihak. Selepas kes ini ditangguhkan timbalan pendakwa raya ('TPR') telah mengemukakan hujah bertulis tambahan mengenai persoalan tentang *constitutionality* s 3(1)(f) Akta Hasutan 1948 (Akta 15). Pihak responden telah memohon dan diberikan masa untuk membalas hujah tersebut dan telah mengemukakan hujah balas bertulis. Kesemua hujah-hujah tersebut telah kami pertimbangkan.

BANTAHAN AWAL

**[2]** Di awal pendengaran rayuan kes ini, responden telah mengemukakan bantahan awal bahawa notis rayuan yang difailkan oleh pendakwa raya Malaysia adalah tidak sah dan batal kerana notis rayuan tersebut menyatakan 'Yang Arif Hakim telah melepas dan membebaskan responden di akhir kes pendakwaan tanpa dipanggil membela diri bagi satu pertuduhan yang boleh dihukum di bawah seksyen 41(1) Akta Hasutan 1948'. Responden berhujah bahawa s 41(1) tidak wujud dalam Akta 15, dan oleh itu rayuan di hadapan kami adalah tidak kompiten dan telah tidak berada dengan wajar di hadapan mahkamah ini. Menurut peguam, oleh itu tidak ada apa-apa rayuan di hadapan mahkamah ini untuk diputuskan. Responden merujuk kepada k 58

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 dan Borang 5 yang ditetapkan sebagai borang untuk notis rayuan. Responden memohon rayuan ini dibatalkan.

**[3]** Dalam jawapannya TPR mengakui terdapat kesilapan menaip dalam notis rayuan tersebut, dan berhujah bahawa No '41(1)' dalam rayuan tersebut itu dimaksudkan untuk No 4(1) iaitu s 4(1) Akta 15. Menurut beliau kesemua butir-butir lain dalam notis rayuan tersebut adalah betul. Menurut TPR, pendakwa raya merayu terhadap keputusan mahkamah membebaskan responden. Merujuk kepada kesilapan tersebut yang merupakan *deviation* dari borang yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994, TPR merujuk kepada s 62 Interpretation Acts 1948 and 1967 (Akta 388) dan berhujah bahawa *deviation* (kesilapan tersebut) bukan disengajakan untuk mengelirukan.

**[4]** Kami dapati notis rayuan tersebut merujuk kepada nombor kes perbicaraan yang sama dengan nombor perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Perbicaraan Jenayah No 45–10 Tahun 2009) dan pihak-pihak yang sama seperti perbicaraan di Mahkamah Tinggi dan rayuan di hadapan kami. Petisyen rayuan yang difailkan oleh pendakwa raya berikutan dengan notis rayuan tersebut juga merujuk kepada nombor kes perbicaraan yang sama dengan nombor perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Perbicaraan Jenayah No 45–10 Tahun 2009) dan juga pihak-pihak yang sama seperti dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Petisyen rayuan tersebut menyatakan:

> Perayu di atas setelah memfailkan Notis Rayuan bertarikh 15 Jun 2010 kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Yang Arif Hakim … yang diberikan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 11 Jun 2010 yang mana Yang Arif Hakim telah membebaskan dan melepaskan Responden bagi pertuduhan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama kini memberi alasan-alasan bagi rayuan tersebut seperti berikut:

**[5]** Dalam pengamatan kami adalah jelas bahawa rayuan pendakwa raya Malaysia adalah terhadap keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang telah melepas dan membebaskan responden bagi pertuduhan di bawah s 4(1)(b) Akta 15 dan boleh dihukum di bawah s 4(1) Akta yang sama. Oleh itu tiada keraguan di fikiran kami bahawa nombor '41(1)' dalam notis rayuan tersebut adalah kesilapan menaip. Nombor '1' sebelum '(1)' telah tersilap ditaip. Nombor yang betul dan diniatkan ialah 4(1) — iaitu s 4(1) Akta 15. Kami berpuas hati bahawa kesilapan kecil tersebut tidak memprejudis atau mengelirukan responden.

**[6]** Kami dengan sebulat suara menolak bantahan awal responden dan mengarahkan supaya perbicaraan rayuan ini diteruskan.

**[7]** TPR telah memohon secara lisan untuk meminda notis rayuan tersebut dengan menggantikan nombor '41(1)' dengan nombor '4(1)'. Responden tiada bantahan dan permohonan tersebut telah dibenarkan.

PERTUDUHAN TERHADAP RESPONDEN

**[8]** Responden telah dituduh di Mahkamah Tinggi dengan satu tuduhan bagi kesalahan menyebut perkataan-perkataan menghasut di bawah s 4(1)(b) Akta 15. Pertuduhan tersebut adalah seperti berikut:

> Pertuduhan
>
> Kamu didakwa atas kehendak Pendakwa Raya dan pertuduhan terhadap kamu ialah:
>
> > Bahawa kamu pada 6 Februari 2009 jam antara 12.00 tengahari dan 12.30 petang di Tetuan Karpal Singh & Co yang beralamat No. 67, Jalan Pudu Lama, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam satu sidang akhbar telah menyebut kata-kata menghasut (transkrip ucapan dilampirkan sebagai LAMPIRAN 'A' kepada pertuduhan ini dan kata-kata menghasut digariskan); dan oleh yang demikian,
>
> kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

**[9]** Lampiran A yang dinyatakan dalam pertuduhan tersebut adalah seperti berikut:

> TRANSKRIP VIDEO KENYATAAN AKHBAR OLEH YB KARPAL SINGH DI PEJABAT PEGUAM KARPAL SINGH NO. 67, JALAN PUDU LAMA. 50200 KUALA LUMPUR PAPA 6.2.2009 @ 12.00 TENGAHARI.
>
> I think I baca statement, yang ada a depan saya sekarang ini, The removal of Perak Menteri Besar, Datuk Seri Haji Nizar bin Jamaluddin, by the Sultan of Perak purportedly pursuant to Article 16(6) of the Constitution of the State of Perak which is stated there in brackets, is clearly ultra vires the provisions of this article.
>
> In law, the decision of the Sultan of Perak can be questioned in a court of law. As far back as the 12th of May 1977, a strong five men bench of the Federal Court ruled that the decision of the Yang Dipertuan Agong to confirm three detention orders under the emergency (Public Order and prevention on crime) Ordinance, 1969 was amenable to judicial review if it was ultra vires the provisions of the federal constitution. The federal court unanimously ruled, although the orders of the detention had been confirmed by the King, that decision was ultra vires Article 1(5)(1)(b)of the Federal Constitution as that confirmation was made outside and beyond the period of three months stipulated in that article.

*With that ruling of the federal court which has stood the test of time for 32 years beyond a pale of a doubt the Sultan of Perak has contravened Article 16(6) of the Constitutions of the State of Perak.* The Pakatan Rakyat State Government had the mantle of legitimacy it still has. In my view the election commission had through its chairman, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof publicly ruled that there was a doubt over the vacancy of the seats of PKR Changkat Jering assemblyman, Mohd Osman Mohd Jailu, and PKR Behrang assemblyman Jamaludin Mohd Razi after the letters submitted by Perak assembly speaker V Sivakumar in relation to their letters of resignation were conducted or rather contradicted by denials from both these assemblymen. This triggered the provisions of Article 33(1) which states (if any question arises whether a member of the Legislative assembly has been disqualified for membership, the decision of the assembly shall be taken and shall be final.)

Therefore for the assembly to decide on the status of these 3, of these assemblymen and not the Sultan of Perak who determine that they remain independent assemblymen despite having submitted undated letters of resignation to the Perak Assembly speaker and therefore with their presence at the Istana and their pledge of allegiance to the Barisan Nasional together with DAP Jelapang assemblywoman, Hee Yit Foong, the Pakatan Rakyat government could no longer hold on to office.

*In my view, until such time, the Assembly has invoked the provisions of Article 33(1) both Mohd Osman Mohd Jailu and Jamaludin Mohd Razi remained PKR assemblymen together with Jelapang assemblywoman Hee Yit Foong. remaining with the DAP until her resignation letter was subjected to determination by the Assembly pursuant to Article 33(1) thereby causing the Pakatan Rakvat to have 31 members in the assembly of 60 members. It cannot therefore be said that the Sultan of Perak acted intra vires in fact acted ultra vires Article 16(6) when he determined that Menteri Besar, Nizar Jamaludin had ceased to command the confidence of the majority of the members of the legislative assembly and was therefore required to tender resignation of the executive council over which he presided including his own resignation.*

*Clearly the Sultan of Perak cannot invoke his powers under Article 16(1) which states (His Royal Highness shall appoint an Executive Council) to appoint a Barisan Nasional Executive Council with a new Menteri Besar and a new government. The Government of a Menteri Besar Dato' Haji Nizar bin Jamaludin still had constitutional supremacy and legitimacy. The actions of the Sultan of Perak are clearly, premature.*

I call upon the Sultan to cease and desist from appointing a new Barisan Nasional Menteri Besar and executive council later this afternoon. *This in no way should be construe as a threat to the Sultan but on the other hand a firm reminder to him that he is required to act within the parameters and confines of the sacred constitutional document that is the constitution of the State of Perak which is the supreme law of that state.*

The following words of Raja Muda of Perak, Raja Dr Nazrin Shah, during the pledge of loyalty at the special investiture in conjunction with the silver jubilee celebration of Sultan Azlan Shah as the 34th Sultan of Perak at Istana Iskandariah on 3rd February 2009 bear repetition.

Quote, 'The ruler, as the head of state and country, needs to be neutral, non-partisan, and free of having personal interest to ensure justice for the people'.

Raja Nazrin also said that the power entrusted by Allah should be discharged with responsibility because he (the Ruler) would be judged in the hereafter. As such he said power must be exercised to implement good practices adding that the Ruler's nobility and honour, position, and sovereignty do not come automatically.

It is my view that the Pakatan Rakyat Government headed by Nizar Jamaludin should be allowed without any hindrance for any quarter to invoke the provisions of Article 33(1). It is after this exercise that the intervention of the Sultan of Perak could become if at all necessary.

If the Sultan persists in appointing a Barisan Nasional Executive Council and Menteri Besar, later at 3 pm today, the Pakatan Rakyat will have no alternative but to seek a judicial pronouncement in the interest of the rakyat in Perak. The judicial proceedings will inevitably include the purported new state government. This will, in turn, cause unnecessary apprehension, anxiety and concern which should be averted at all costs.

QUESTIONS AND ANSWERS

Well that is my statement. Are there any question?

(… inaudible …)

Beyond the powers conferred on him under the Constitution of the State of Perak. *That he had no right that he had no right to dismiss the government rather the State Government of MB Nizar Jamaludin.* The lawful Government is still the Government, the Pakatan Rakyat government.

(Question from reporter YB, can you …(unclear) …)

*In fact, I've stated very clearly that we will sue the Sultan together with the new State Government as defendants if they persist*, if they don't, this afternoon, if what I said is right, and the Sultan is prepared to accept that, then things are perfectly in order. The old government would still be in power.

In fact, over Article 83 or rather 63 of the Constitution of the State of Perak. We give a copies of it. I'll read what is that. What the Sultan of Perak can do is this under Article 64 and that states. His Royal Highness may refer to the Federal Court for its decision or rather its opinion any question as to the effect of any provision of this constitution which has a reason or appears to his Royal Highness likely to arise and the Federal Court shall pronounce in open court to his opinion on any question so referred to it. In other words, under Article 64 the Sultan can now refer this question and the question would be whether these 3 assemblymen are still members of the assembly as Pakatan Rakyat assembly, assemblymen.

Because if that is so, and I say that is so until such time as the a State of Assembly decides under Article 33(1) as to whether they are still qualified to sit in the assembly they remain members of the Pakatan Rakyat

(Question from reporter … YB it's look like the Barisan Nasional new … (unclear) … tomorrow …)

Well tomorrow is a holiday, the suit will be filed on Tuesday because Monday is also a holiday. In fact I call upon the Sultan to carefully consider what a he has in fact done. *The Sultan has no right to call the 32 members, or assemblymen rather, to the*

*Istana and questioned them one by one as to where their allegiance lay, because that is not within the confines of a what the Sultan could do. That is the job of the assembly to decide under Article 33(1). The Sultan cannot usurp the powers of the State Assembly.*

In fact, I have cited two cases there, in fact the first case if you all can have a look at it. This is the *decision* of the 5 member bench of the Federal Court way back in a 1977 May 12. If you look at it, this is what was decided by the Court. Now in this case what has happened was 3 detention orders were confirmed by the Yang DiPertuan Agong. But that confirmation was outside the 3 month period *provided* for under Article 151(B) of the Federal Constitution, and this is what the Federal Court a held, its at page 5. It's marked paragraph 3. Although the note, although the orders of detention in these cases had been confirmed by the King, that decision was ultra vires and could be corrected by the court. So we are saying here that what the Sultan Perak has done is ultra vires the Constitution of the State of Perak and the Court has jurisdiction to a set that right. It's as simple as that. A very simple constitutional issue.

(Question from reporter Sorry YB, could you explain ultra vires in layman terms?

Ultra vires a means a is acting beyond, you don't have the power to act beyond what the, the, the a you know a Constitution provides. Which is only the assembly can decide on whether assemblymen in view of these letters. Even … Election Commission said there's a doubt as to whether the letters were valid. And Article 33 very a clearly states if any question arises with regard to whether an assemblyman's qualified or not, the decision shall be taken by the assembly. In fact, the a, the a present State Government, the Government which has in fact been dismissed by the Sultan, can convene a meeting even today and I tender Article 33(1) and determine whether those letters are valid and even assuming the assembly decides that the these 3 are in fact no more a lawfully elected assemblyman then there's a deadlock. It would mean 28:28. 28 for the Barisan and 28 for the Pakatan Rakyat which means there's a deadlock, which means then the Sultan of Perak should order a snap election in the State of Perak. He should dissolve the assembly, but he cannot act in the manner he has done.

(Question from reporter Do you think Malaysia is facing a perhaps constitutional crisis?

Well it's not Malaysia, the State of Perak is. But this could extend to other states, and we wouldn't want that kind of position. As I said, there's a way out, way out. The Sultan can act under Article 64 refer this question to the Federal Court vis-a-vis the facts and circumstances of this case. Whether he could act under Article 16(6) to dismiss the government of a Nizar Jamaludin. As I keep saying our view is that the Government of Nizar Jamaludin, the Pakatan, State Government still is the valid and lawful one. I've tried to make it as clear as I can in the statement I have made. I'm backing up whatever I'm saying by cases, a by the Federal Court and the second case. If I could t … t … t … take it the to you the case of a Fan Yew Teng, this was way back in 1975 … if I remember correctly, ya, March 12, 1975 … I did this case, in fact. What had happened was the same a constitutional provision came into a, a question, at page 15. Article 53 of the a Federal Constitution states if any question arises whether member of the House in Parliament has become disqualified the decision of the House shall be taken and shall be final. Exactly the same as Article 33(1) and the court held that a there Fan Yew Teng did not stand

disqualified this by way of a conviction. In fact a by-election was called after he was convicted by the High Court. He got an injunction to stop the by-election. The court granted it because it was for the for Parliament to decide whether it's a result of the conviction he had become disqualified.

(Question from reporter … YB, so you said that, since now the three have a submitted their resignation to the assembly, so the assembly should have the final say to tell them as they have a mean they are not a valid member of the assembly, so by-election should be held or snap …(unclear) …

Oh … oh … a snap election. The Sultan has got no right to intervene. He can't, under these circumstances I must say. He has certain rights but those rights do not arise under the a present state of the affairs in the state of Perak.

(Question from reporter … Do you think the resignation letter is still valid because the date was fill … (unclear) …)

Does not matter, let the assembly decide, let the assembly decide. *The Sultan cannot decide. He has no power.* We are going by the constitution. Sultan is bound by the constitution of the state of *Perak. He's not immune from being taken to the court.* But I'll make it very clear, I got

That, that in fact, it's unlawful. That, that whoever has stopped him from excluding his duties is committing an offense under the penal code — obstruction of a public servant in the execution of his duty. I hope whoever is doing it realizes what is being done. In fact, a letter has been sent out by the State Secretary to the Menteri Besar and all the actual members of the Pakatan Rakyat Government that they are required to go to the office and collect their personal effects and no other documents. (Cough) You can't shut out a Menteri Besar who has been lawfully elected from entering his own office. It's an abuse of power on the part of whoever did it. And I hope he's prepared for the consequences, and we must make it very clear that the Pakatan Rakyat is very serious about what is going on in the state of Perak. We don't want it to spread elsewhere.

(Question from reporter … What happened will happened to them also … (unclear) …)

Well I'm they are not worried, I don't think anything will happened elsewhere, but the, the fact remains. We don't want a precedent like this. You can't grab power. You must get the power from the people in a constitutional manner. And I'm surprised that the Deputy Prime Minister is in fact a heading the charge in Perak including the Prime Minister himself. What is being done is very high-ended. Unbecoming of a Prime Minister and his Deputy. They got no business in fact to be even there. It's better for the state assemblymen in UMNO that should take it up with the Sultan. Why, why should the a Sultan even give a audience to the Prime Minister and Deputy Prime Minister. They had no business to be there.

Ada apa-apa soalan lain?

(Question from reporter … Is Pakatan going to a launch a huge rally to show the protest … (unclear) …)

Oh. That's a separate matter. My task is a you know to sort of take it up from a the legal side. They want the law to prevail and we want the constitutional provision to prevail. It's all wrong to take power on the strengths of crossovers, crossovers a

people who are guilty of treachery to the rakyat. In fact, crossing over should be made a criminal offence. It's cheating the public. It's a very very serious matter to a cheat out of having been elected on a, on a PKR ticket to crossover or for the matter on DAP ticket to crossover. You got no business to do that. You are not elected on the Barisan Nasional ticket. You go back to the people.

(Question from reporter … YB, does your statement applies to both ruling an opposition party … (unclear) …)

Yes, my statement applies to both. In fact I say Anwar Ibrahim was wrong in having started a campaign to take power on the strengths of crossovers. What he did was not right. What has to be said will be said. You can't take power, or grab power on the strengths of crossovers.

Likewise, Najib is wrong, so why not, why not amend the Federal Constitution. I've been saying that all the time. At the moment the federal court has decided and this was a case coming from Kelantan. Kelantan had an anti-hopping law enacted in 1991, the Federal Court declared that the anti-hopping law was unconstitutional on the ground that it contervened. Article 10 of the Federal Constitution which says you have a right to form associations. The right to associate include the right to disassociate, that's what fhe Federal Court said.

The Federal Court has made a decision. The only way to get around the decision is to amend the Federal Constitution to out law party hopping. I think the people, the country are disgusted with party hopping. And every effort should be made by the elected residents of the people. To amend not only the Federal Constitutions, but all states constitutions to include a anti-hopping law. In fact, anti-hopping law should be made a criminal offence. Whoever does that should be put in prison. Barisan Nasional Government does not have a two-third majority in Parliament at the moment to amend the Federal Constitution. I say now that the DAP will prepare, is prepared rather to give them not 9, they need 9 seats to make up two-third majority. We'll give them 28. I'll persuade Anwar Ibrahim and PAS to also support that amendment. At the moment PAS and PKR support party hopping, which is wrong. The DAP does not. Our stand has always been from the time the DAP was a in fact a set up way back in 1966 and it was formed until now our stand is very clear. You cannot cheat the Rakyat. Party hopping is something abhorent, unacceptable, and indefensible.

Any other question?

*Dan dari segi Perlembagaan Negeri Perak adalah terus kerana apa yang ada dimengisytiharkan oleh Sultan Perak iaitu a Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak sah tentang dengan peruntukan Perkara 16(6) Perlembagaan a Perak. Apa yang dibuat tidak a boleh dimempertahankan. Adakah tiga ahli Dewan Undangan Negeri Perak apabila menandatangani satu surat letak jawatan a letak jawatan. adakah itu sah, adalah untuk a Dewan Undangan Negeri Perak membuat keputusan. Tidak ada pihak lain yang ada kuasa untuk a buat demikian termasuk Sultan Perak.*

Apa saya menyatakan tadi ada satu a langkah yang lain yang boleh digunakan iaitu rombakan Perkara 64 Perlembagaan Negeri Perak iaitu Sultan Perak ada kuasa untuk a rujuk satu soalan, soalan mengenai peruntukan dalam a Perlembagaan Negeri Perak dari segi apa yang ada keadaan di negeri itu untuk menentukan sapa

ada kuasa. *Kuasa dalam tangan Dewan Undangan Negeri untuk mengisy mengisytiharkan adakah tiga DUN a ADUN ini. ADUN yang tidak letak jawatan atau sudah letak jawatan. Bukan Sultan Perak untuk memanggil 32 ADUN ke Istana, dan menyoal dia.*

*Adakah dia masih ahli Dewan Undangan Negeri bagi a Keadilan atau DAP. Itu bukan kuasa Sultan Perak, itu kuasa negeri, Kerajaan Negeri yang sah. Kerajaan Negeri yang akan di a mengisytiharkan a pada 3 setengah petang ini, tidak sah. Jika itu dibuat, kami akan rujuk perkara ini ke Mahkamah Tinggi di Ipoh pada hari Selasa depan satu kes akan difailkan. Dalam Kes itu, Sultan Perak akan jadi penentang yang a atau a responden, defendan akan dinamakan sebagai defendan yang pertama dan Kerajaan Negeri baru yang akan dia mengisytiharkan pada pukul 3 setengah petang ini, sebagai defendan yang kedua.* Dan Plaintif a adalah Datuk Seri a Nizar Jamaludin. Dia akan memfailkan kes itu sebagai Menteri Besar yang sah untuk dapat satu a pengisytiharaan daripada mahkamah untuk a memputuskan dia adalah Menteri Besar yang sah dan bukan a Menteri Besar dan exco yang akan di um …bersumpah pada 3 setengah petang ini. Itu adalah dengan ringkas apa yang saya menyatakan dalam bahasa Inggeris tadi. Adakah apa-apa soalan?

(Question from reporter … You sebagai lawyer on behalf … (unclear) …)

Yes …yes, yes, saya lawyer bagi … Bukan saya sahaja, saya dengan Gobind Singh Deo, Ram Karpal Singh, Sanggit Kaur, Deo dan peguam-peguam lain dalam parti bukan DAP sahaja, tetapi Keadilan dan PAS.

(Question from reporter …Kira-kira jumlah berapa lawyer yang akan file-in next week?

a Itu tidak ditentukan, menentukan, di saat ini.

(Question from reporter … YB, sekarang Sultan Perak desak letak … jawatan … Datuk Sen … (unclear) …)

Tidak ada kuasa apa yang saya menyatakan tadi. Ini tentang, tentang, dan a …

(reporter: (cont). …keluar daripada Perak State …)

Tidak boleh. Sultan tidak ada kuasa untuk a apa ni untuk buang negeri. Saya ingat sesuatu warganegara dalam a Malaysia. Tidak ada, tidak ada kuasa untuk buat demikian.

One way, or another by court of law a by, by the State Assembly, and after that by the Court of Law. So what the Sultan is doing is premature, as I said, because, the Pakatan State Government is still in the majority.

AFZAN SAKINA SULAIMAN, AISHAH AHMAD AZAM

**[10]** Pada 11 Jun 2010, di akhir kes pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden. Lantaran itu responden telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. Pendakwa raya Malaysia telah

mengemukakan rayuan ke mahkamah ini.

KES PIHAK PENDAKWAAN

**[11]** Seperti yang didapati oleh YA hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes ini (YA hakim bicara) dalam kes ini tidak terdapat banyak pertikaian tentang fakta-fakta. Dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan secara ringkasnya fakta-fakta kes ini adalah seperti berikut. Pada 6 Februari 2009 jam lebih kurang 12 tengah hari responden telah mengadakan sidang akhbar (*press conference*) ('sidang akhbar tersebut') di pejabat guamannya di Jalan Pudu Lama, Kuala Lumpur. Sidang akhbar tersebut dihadiri oleh beberapa orang wartawan dan jurukamera dari beberapa wakil media massa dan elektronik. Di antara yang menghadiri sidang akhbar tersebut ialah Mohd Nizam bin Mohamad Yatim ('SP1') wartawan akhbar *Utusan Malaysia*, Elliani bt Mazlan ('SP2') wartawan RTM, Adial Singh a/l Hari Singh ('SP3') jurukamera RTM, Mohd Jefri bin Mohd Judin ('SP7'), jurukamera TV3, Lee Way Loon ('SP8'), pemberita *Malaysiakini*, dan Ing Boon Sing ('SP9'), wartawan penyiaran TV3. Sidang akhbar tersebut terbahagi kepada dua segmen. Dalam segmen pertama, responden membaca teks kenyataan akhbarnya yang sudah disediakan ('eksh P3') yang telah diedarkan oleh responden kepada para wartawan yang hadir.

**[12]** Segmen kedua pula adalah sesi soal jawab di antara responden dengan para wartawan seperti mana dalam transkrip ('eksh P8'). Ekshibit 8 disediakan oleh Aisyah bt Ahmad Azam, seorang wartawan RTM ('SP4') dari rakaman sidang akhbar tersebut yang telah dirakamkan oleh SP3 dalam *tape* mini Dv ('eksh P6'). Ekshibit P6 telah disalin oleh SP2 (yang hadir bersama-sama SP3 dalam sidang akhbar tersebut) dalam tape salinan — Dvc Pro ('eksh P7'). Ekshibit P8 telah dibuat oleh SP4 dari apa yang dirakamkan dalam eksh P7.

**[13]** Sidang akhbar tersebut itu selesai sebelum waktu sembahyang Jumaat pada hari kejadian. Keterangan menunjukkan bahawa pada hari yang sama dengan sidang akhbar tersebut satu perhimpunan, demostrasi dan rusuhan telah berlaku selepas sembahyang Jumaat di kawasan luar Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar, Perak. Perhimpunan tanpa permit tersebut telah diadakan oleh sebilangan jemaah yang bersolat di masjid tersebut yang cuba menghalang upacara angkat sumpah Menteri Besar Perak yang baru di hadapan DYMM Sultan Perak pada petang tersebut.

**[14]** Berikutan dengan sidang akhbar tersebut, berdasarkan kepada kenyataan akhbar responden ('P3') dan sesi soal jawab di antara responden dengan para wartawan, SP1 telah menulis berita yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 7 Februari 2009. Keratan akhbar tersebut telah dikemukakan sebagai eksh P4. SP1 mengecam bahagian atas keratan tersebut

('P4A') sebagai berita yang ditulis olehnya. Menurut SP1, bahagian bawah keratan ('P4B') ditulis oleh BERNAMA. Kandungan P4 adalah seperti berikut:

Sidang akhbar Karpal Singh

Berikut adalah sebahagian kandungan sidang akhbar Pengerusi DAP, Karpal Singh di Kuala Lumpur semalam.

Dari segi undang-undang dan Perlembagaan Negeri Perak, adalah terus terang apa yang diisytiharkan oleh Sultan Perak iaitu kerajaan negeri Pakatan Rakyat tidak sah, bertentangan dengan peruntukan Perkara 16(6) Perlembagaan Perak.

Apa yang dibuat tidak boleh dipertahankan. Apabila ketiga-tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perak menandatangani satu surat letak jawatan, adakah itu sah? Adalah untuk Dewan Undangan Negeri Perak (DUN) membuat keputusan.

Tidak ada pihak lain yang ada kuasa untuk berbuat demikian termasuk Sultan Perak.

Ada satu langkah lain yang boleh digunakan iaitu rombakan Perkara 64 Perlembagaan Negeri Perak.

Sultan Perak ada kuasa untuk rujuk satu soalan mengenai peruntukan dalam Perlembagaan Negeri Perak dari segi apa keadaan di negeri itu.

Ini untuk menentukan siapa yang ada kuasa. Kuasa di dalam tangan DUN untuk mengisytiharkan adakah tiga ADUN ini tidak meletak jawatan atau sudah meletak jawatan. Bukan (kuasa) Sultan Perak untuk memanggil 32 ADUN ke Istana dan menyoal adakah dia masih ahli DUN bagi Parti Keadilan Rakyat atau DAP.

Itu bukan kuasa Sultan Perak. Itu kuasa kerajaan negeri yang sah. Kerajaan negeri yang akan diisytiharkan pada 3.30 petang ini tidak sah.

Jika itu dibuat kami akan merujuk perkara ini ke Mahkamah Tinggi di Ipoh pada Selasa depan.

Satu kes akan difailkan. Dengan kes itu Sultan Perak akan jadi penentang atau responden, akan dinamakan sebagai defendan pertama.

Dan Kerajaan negeri baru yang akan diisytiharkan pada 3.30 petang ini sebagai defendan yang kedua.

Dan plaintif adalah Datuk Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin. Dia akan memfailkan kes itu sebagai Menteri Besar yang sah untuk mendapat satu perisytiharan daripada mahkamah bagi memutuskan bahawa beliau adalah Menteri Besar yang sah.

Dan bukan Menteri Besar dan Exco yang akan bersumpah pada 3.30 petang ini.

Pelucutan jawatan MB di luar batas kuasa

Saman Sultan Perak

Kuala Lumpur 6 Feb — Pakatan Pembangkang akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Sultan Perak dan Barisan Nasional (BN) jika masih berkeras untuk melantik Menteri Besar BN yang baru, kata Pengerusi DAP, Karpal Singh.

Beliau berkata, pakatan pembangkang tidak mempunyai pilihan bagi mengambil tindakan itu kerana pelucutan jawatan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin oleh Sultan Azlan Shah, yang dikatakan mengikut Artikel 16(6) Undang-undang Tubuh Negeri, adalah jelas di luar batas kuasa dalam peruntukan artikel itu.

'Dalam undang-undang, keputusan Sultan Perak boleh dipersoal di mahkamah undang-undang. Saya meminta Sultan menghentikan dan berhenti daripada melantik seorang Menteri Besar BN baru dan ahli majlis mesyuarat selepas tengah hari ini,' katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Karpal Singh berkata, tindakan ini tidak boleh, dalam apa jua cara dilihat sebagai ancaman kepada Sultan tetapi merupakan peringatan tegas bahawa pemerintah perlukan untuk bertindak di dalam lingkungan had dan batas perlembagaan Undang-undang Tubuh Negeri Perak yang merupakan undang-undang tertinggi negeri itu. — BERNAMA.

**[15]** Menurut ASP Suhaimi Muhamad ('SP19') pegawai penyiasat kes ini, 103 laporan polis telah dibuat dari 7 Februari 2009 hingga 24 Februari 2009 di beberapa balai polis seluruh Semenanjung Malaysia yang kesemuanya adalah luahan rasa tidak puas hati terhadap responden yang telah membuat sidang akhbar tersebut. Tiga dari laporan polis tersebut adalah P17, P21 dan P22. P17 dibuat di Balai Polis Pekan Bharu, Ipoh, Perak, oleh Azmil Khusaini Khalid ('SP10'). P21 dibuat oleh Jefferi Salim ('SP11') di George Town, Pulau Pinang. P22 dibuat oleh Dato' Seri Mohd Halmi Hj Ismail ('SP17') di Pekan Bharu, Ipoh, Perak.

HUJAHAN TIMBALAN PENDAKWA RAYA

**[16]** TPR yang mewakili pendakwa raya Malaysia ('perayu') berhujah bahawa bagi membuktikan kesalahan terhadap responden pihak pendakwaan perlu membuktikan dua elemen. Pertama, responden telah menyebut perkataan-perkataan yang didakwa menghasut ('perkataan-perkataan responden'). Kedua, perkataan-perkataan responden tersebut menghasut. TPR berhujah kedua-dua elemen tersebut telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Mengenai elemen pertama, dari eksh P3 dan P8 serta keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan, tidak terdapat keraguan bahawa responden telah mengeluarkan perkataan-perkataan yang didakwa menghasut itu.

**[17]** Mengenai elemen kedua, TPR berhujah bahawa YA hakim bicara telah membuat kesilapan apabila beliau menyatakan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen ini. Menurut TPR, YA hakim bicara hanya memberikan tumpuan kepada soal apakah berita yang disiarkan selepas sidang akhbar tersebut. TPR berhujah bahawa YA hakim bicara telah membuat kesilapan dalam memberikan tumpuan kepada hubungan (*nexus*) di antara sidang akhbar tersebut dengan apa yang berlaku selepas sidang akhbar itu — di

Masjid Ubudiah, selepas sembahyang Jumaat pada 6 Februari 2009, dan pengadu-pengadu yang membuat laporan polis (P17, P21 dan P22) serta kenyataan dalam laman web Kerajaan Negeri Perak. TPR berhujah bahawa dalam penghakimannya YA hakim bicara memberikan *impression* bahawa kecenderungan menghasut bergantung kepada pemahaman pengadu-pengadu laporan polis dan wartawan-wartawan yang hadir dalam sidang akhbar tersebut. Menurut TPR, ini adalah pendekatan yang silap. TPR berhujah bahawa mahkamahlah yang menentukan sama ada perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan menghasut. Dalam membuat pertimbangan tersebut mahkamah hendaklah menggunakan pendekatan pembaca biasa (*ordinary reader approach*) dan menimbangkan keseluruhan perkataan-perkataan tersebut serta memutuskan apakah *impression* yang diperolehi oleh pembaca biasa. Kes-kes *Public Prosecutor v Fan Yew Teng* [1975] 1 MLJ 176, *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108, *Lim Guan Eng v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 14 dan *Public Prosecutor v Param Cumaraswamy* [1986] 1 MLJ 512 telah dirujuk sebagai autoriti. Menurut TPR, ini gagal dilakukan oleh YA hakim bicara. TPR menyatakan bahawa YA hakim bicara hanya menterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia perkataan-perkataan responden dalam sidang akhbar tersebut. TPR berhujah YA hakim bicara gagal menilai sama ada apa yang dikatakan oleh responden dalam sidang akhbar tersebut mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a)–(f) Akta 15. Sehubungan dengan dapatan YA hakim bicara bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen yang perlu dibuktikan di bawah s 3(1)(a) Akta 15, TPR menyatakan bahawa ini adalah satu salah arahan. TPR berhujah bahawa YA hakim bicara silap apabila beliau menyatakan bahawa niat adalah satu elemen bagi kesalahan menghasut. Menurut TPR, niat bukanlah satu elemen yang perlu dibuktikan bagi kesalahan menghasut. Menurut TPR, akibat perkataan-perkataan responden juga adalah tidak relevan, dan pihak pendakwaan juga tidak perlu membuktikan perkataan-perkataan responden itu benar atau tidak. Walau bagaimanapun menurut TPR, pihak pendakwaan telah mengemukakan juga keterangan tentang akibat perkataan-perkataan responden. Sehubungan ini, beliau merujuk kepada keterangan Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia ('SP16') bahawa jabatannya ada menerima aduan pada 9 Februari 2009, 12 Februari 2009 dan 16 Februari 2009 tentang komen-komen yang ditulis dalam laman web Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan juga di laman web buku tetamu Pejabat DYMM Sultan Perak. Komen-komen tersebut seperti yang terdapat di ms 458, jilid 5, rekod rayuan adalah jelas menghina DYMM Sultan Perak. TPR berhujah bahawa ini menunjukkan bahawa situasi kebencian atau penghinaan terhadap DYMM Sultan telah dibangkitkan. TPR juga merujuk kepada 103 laporan polis yang dibuat terhadap responden dan berhujah bahawa ini menunjukkan bahawa terdapat perasaan tidak puas hati (*discontentment*) dan tidak setia

(*disaffection*) di kalangan rakyat. TPR berhujah bahawa kesemua ini menunjukkan bahawa kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) dan 3(1)(d) Akta 15 telah terbukti.

**[18]** Selain itu TPR juga menghujahkan bahawa perkataan-perkataan responden juga termasuk di bawah s 3(1)(f) Akta 15. Menurut TPR ini adalah kerana dengan perkataan-perkataan tersebut responden jelas mempersoalkan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa DYMM Sultan Perak, di bawah perkara 16(2) Perlembagaan Negeri Perak, yang dijamin oleh perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Merujuk kepada keterangan dalam kes ini, TPR berhujah bahawa dengan perkataan-perkataan responden yang dinyatakan dalam sidang akhbarnya, responden telah mencabar tindakan yang diambil oleh DYMM Sultan Perak di bawah perkara 16(2) Perlembagaan Negeri Perak. Menurut TPR, dalam segmen pertama sidang akhbarnya, responden pada hakikatnya menyatakan bahawa DYMM Sultan Perak tidak mengikut undang-undang. Untuk menyokong hujahnya TPR telah merujuk kepada kes *Melan bin Abdullah & Anor v Public Prosecutor* [1971] 2 MLJ 280.

HUJAH RESPONDEN DAN PEGUAMNYA

**[19]** Inti pati hujah peguam responden adalah seperti berikut. Memulakan hujahnya peguam menyatakan bahawa untuk membuktikan kesnya pihak pendakwaan mesti membuktikan kecenderungan menghasut di bawah mana-mana satu perenggan di bawah s 3(1) Akta 15. Peguam menyatakan bahawa di Mahkamah Tinggi pihak pendakwaan hanya mengemukakan hujah tentang kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) dan (d) dan telah tidak mengemukakan sebarang hujah di bawah s 3(1)(f).

**[20]** Membalas hujah TPR bahawa pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan akibat perkataan-perkataan responden, peguam merujuk kepada ss 2, 3 dan 4 serta Jadual kepada Akta 15 dan berhujah bahawa pihak pendakwaan mesti mengemukakan keterangan untuk membuktikan kecenderungan menghasut di bawah mana-mana seksyen kecil s 3(1) Akta 15. Menurut peguam ini telah gagal dilakukan oleh pihak pendakwaan. Sehubungan ini peguam menyatakan bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan SP16 tentang komen-komen di laman web Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan di Pejabat DYMM Sultan Perak. Menurut peguam, malangnya, keterangan SP16 tidak memadai untuk membuktikan kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) atau (d) Akta 15 kerana tidak terdapat keterangan yang mengaitkan perkataan-perkataan responden dengan komen-komen tersebut. Tiada terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa komen-komen tersebut disebabkan oleh perkataan-perkataan responden dalam sidang akhbarnya. Peguam berhujah

bahawa oleh yang demikian berdasarkan kepada fakta-fakta kes ini, YA hakim bicara telah membuat keputusan yang betul apabila beliau memutuskan bahawa:

> … namun begitu tidak ada satu dokumen pun dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk menyokong keterangan SP16 ini, dan juga tidak ada keterangan akan kaitan sidang akhbar tertuduh dengan kenyataan di dalam laman web Kerajaan Negeri Perak yang dapat dikaitkan.

**[21]** Peguam juga berhujah bahawa pada masa yang material terdapat krisis politik di negeri Perak. Menurut peguam, bukan responden seorang yang telah memberikan komen, tetapi ada lagi beberapa orang pakar undang-undang perlembagaan yang telah memberikan pandangan mereka berkaitan krisis politik tersebut setiap hari.

**[22]** Meneruskan hujahnya peguam menyatakan bahawa tentang s 3(1)(d) Akta 15, pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan tentang 103 laporan polis yang telah dibuat. Peguam menyatakan bahawa mengenai hal ini dua perkara perlu ditegaskan. Pertama, hanya tiga sahaja (P17, P21 dan P22) dari 103 laporan-laporan tersebut yang telah dikemukakan dalam keterangan oleh pihak pendakwaan. Kedua, ketiga-tiga saksi (SP10, SP11 dan SP17) yang masing-masingnya telah membuat P17, P21 dan P22 menyatakan bahawa mereka membuat laporan mereka selepas menonton rancangan berita jam 8 malam yang disiarkan oleh TV3. Sehubungan ini peguam menyatakan bahawa rakaman berita TV3 tersebut telah tidak diterima masuk dalam keterangan, dan pihak pendakwaan sendiri pun menyatakan bahawa mereka tidak mahu memasukkan rakaman tersebut dalam keterangan. Oleh itu tidaklah diketahui apakah sebenarnya yang telah dilaporkan dalam berita TV3 itu tentang sidang akhbar responden. Jadi, pihak pendakwa gagal membuktikan *nexus* di antara tiga laporan polis tersebut dengan sidang akhbar responden. Berkaitan ini juga peguam menyatakan bahawa keterangan SP10, SP11 dan SP17 menunjukkan bahawa mereka membuat laporan polis tersebut kerana tidak berpuas hati dengan pernyataan responden tentang Sultan Perak boleh disaman di mahkamah. Peguam menarik perhatian mahkamah bahawa dalam pemeriksaan balas SP11 dan SP17, responden telah memberitahu mereka bahawa di bawah perkara 160 Perlembagaan Persekutuan, Sultan boleh disaman. Kedua-dua saksi tersebut menyatakan bahawa jika ada peruntukan sedemikian itu mereka setuju Sultan boleh dibawa ke mahkamah. Menurut peguam, kesemua ini hendaklah ditimbangkan bersekali dengan pernyataan yang didakwa dibuat oleh peguam kanan persekutuan ('PKP') dalam hujahnya dalam kes semakan kehakiman Datuk Sri Nizar Jamaluddin di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa Sultan Perak harus dinamakan dalam prosiding itu. Lantaran itu peguam berhujah bahawa kes ini tidak termasuk di bawah s 3(1)(d) Akta 15, kerana Sultan boleh disaman di mahkamah. Oleh itu menurut peguam, adalah tidak salah menyatakan perkara itu. Menurut

peguam, apa yang tidak menyalahi undang-undang tidak mempunyai kecenderungan menghasut. Peguam berhujah bahawa responden hanya menyatakan pandangan undang-undangnya.

**[23]** Mengenai hujah TPR bahawa perkataan-perkataan responden didengar oleh wartawan-wartawan yang menghadiri sidang akhbar responden, peguam berhujah bahawa wartawan-wartawan tersebut bukanlah pengadu dalam kes ini. Menurut peguam, walaupun wartawan-wartawan yang mendengar perkataan-perkataan responden telah dipanggil memberi keterangan, mereka tidak ditanya oleh pihak pendakwaan sebarang soalan tentang kesan perkataan-perkataan responden ke atas mereka. Peguam berhujah bahawa oleh itu seperti yang dirumuskan oleh YA hakim bicara, hujah TPR itu adalah suatu yang difikirkan kemudian.

**[24]** Menjawab hujah TPR bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan berlaku demostrasi di Kuala Kangsar, peguam berhujah bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kaitan di antara sidang akhbar responden dengan demostrasi tersebut. Menurutnya, sidang akhbar responden berakhir sebelum waktu sembahyang Jumaat pada 6 Februari 2009. Wartawan-wartawan yang membuat liputan sidang akhbar tersebut pulang ke pejabat mereka, menyunting laporan mereka untuk siaran berita yang kemudiannya disiarkan pada jam 6 petang dan 8 malam di RTM. Jadi, peguam berhujah bahawa masa yang paling awal perkataan-perkataan responden disiarkan di Malaysia ialah pada jam 6 petang pada 6 Februari 2009. Menurut peguam, dalam keadaan sedemikian tidaklah boleh dikatakan bahawa demostrasi di Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar adalah akibat dari apa yang dikatakan oleh responden dalam sidang akhbarnya.

**[25]** Seterusnya, peguam berhujah bahawa bertentangan dengan apa yang didakwa oleh TPR dalam hujahnya, YA hakim bicara telah menimbang perkataan-perkataan tersebut secara keseluruhannya dan perenggan demi perenggan. YA hakim bicara berpendapat hanya s 3(1)(a) Akta 15 yang relevan tetapi mendapati kecenderungan menghasut tidak terbukti. Peguam menyatakan bahawa garis pemisah di antara kritikan yang dibenarkan dan perkataan-perkataan yang menghasut mestilah dibuat. Beliau merujuk kepada penghakiman dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* di mana Raja Azlan Shah H (pada masa itu) menyatakan:

> The dividing line between lawful criticism of Government and sedition is this — if upon reading the impugned speech as a whole the court finds that it was intended to be a criticism of Government policy or administration with a view to obtain its change or reform, the speech is safe. But if the court comes to the conclusion that the speech used naturally, clearly and indubitably, has the tendency of stirring up hatred, contempt or disaffection against government, then it is caught within the ban of para (a) of s 3(1) of the Act.

**[26]** Sehubungan ini, peguam menyatakan bahawa responden hanya memberikan pandangannya sebagai peguam kanan tentang isu perlembagaan dan undang-undang berkaitan dengan perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak. Responden berpendapat bahawa perkara 33 Perlembagaan Negeri Perak terpakai dan soal sama ada seorang ahli Dewan Undangan Negeri Perak terhenti menjadi ahli Dewan tersebut hendaklah diputuskan oleh Dewan tersebut. Menurut peguam, dalam sidang akhbar di pejabatnya responden berkata jika dia silap rujukan boleh dibuat ke Mahkamah Persekutuan.

**[27]** Peguam juga berhujah bahawa jika perkataan-perkataan responden termasuk di bawah s 3(1)(d) Akta 15, maka kecualian di bawah s 3(2) Akta tersebut terpakai — perkataan-perkataan responden hanya mempunyai kecenderungan untuk menunjukkan kekeliruan dan kesilapan di pihak DYMM Sultan Perak.

PERTIMBANGAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

*Bantahan terhadap s 3(1)(f) AKTA 15*

**[28]** Kami mulakan dengan bantahan responden terhadap penggunaan s 3(1)(f) Akta 15 oleh pihak pendakwaan. Responden, yang juga telah berhujah menyambung hujah peguamnya menyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan menjamin hak untuk perbicaraan yang adil. Kes *Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301; [2009] 5 CLJ 631 telah dirujuk sebagai autoriti. Merujuk kepada ucapan pembukaan TPR di Mahkamah Tinggi (ms 6, jilid I rekod rayuan), responden berhujah bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) dan s 3(1)(d) Akta 15. Menurut beliau dalam ucapan pembukaan tersebut tidak disebut di mana-mana bahawa pihak pendakwaan bergantung kepada s 3(1)(f) Akta 15. Responden berhujah bahawa tiba-tiba di mahkamah ini, beliau (responden) telah diserang hendap (*ambush*) oleh TPR dengan hujahnya bahawa pihak pendakwaan juga bergantung kepada s 3(1)(f) Akta 15 dan kes *Melan bin Abdullah v Public Prosecutor.* Responden berhujah bahawa ucapan pembukaan hendaklah *scrupulously fair*, dan adalah penting orang yang kena tuduh mengetahui apa sebenarnya kes pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan tidak boleh menggantikan kesnya dengan kes yang baru. Menurut responden, keputusan dalam sesuatu kes boleh dibuat berdasarkan satu asas yang baru tetapi orang kena tuduh hendaklah tidak diletakkan dalam 'tactical disadvantage'. Kes *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409; [2007] 2 CLJ 197 telah dirujuk sebagai autoriti. Responden berhujah bahawa dalam kes ini beliau telah diletakkan dalam *tactical disadvantage* yang telah mengakibatkan ketidakadilan kepadanya. Menurut responden, jika s 3(1)(f) telah dinyatakan dalam ucapan pembukaan, pihaknya akan menyoal balas saksi-saksi pihak pendakwa ke arah itu. Dalam kes ini di Mahkamah Tinggi

pihak pendakwaan bergantung kepada s 3(1)(a) dan 3(1)(d). Jadi, menurut responden saksi-saksi telah disoal balas dalam konteks dua seksyen tersebut sahaja. Responden berhujah adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk memastikan orang kena tuduh mendapat perbicaraan yang adil.

**[29]** Meneruskan hujahnya tentang s 3(1)(f), responden menyatakan jika pihak pendakwaan bergantung kepada s 3(1)(f) di Mahkamah Tinggi atau kes *Melan bin Abdullah v Public Prosecutor*, pihaknya akan mempunyai peluang untuk mengemukakan kepada Mahkamah Persekutuan persoalan undang-undang sama ada s 3(1)(f) itu *constitutional* atau tidak. Responden berhujah bahawa kini, beliau telah terlepas peluang tersebut. Responden berhujah bahawa kes pihak pendakwaan hanya bergantung kepada s 3(1)(a) dan 3(1)(d) dan pihak pendakwaan tidak sepatutnya bergantung kepada s 3(1)(f) di mahkamah ini.

**[30]** Masih lagi atas isu tentang s 3(1)(f), responden menyatakan bahawa jika mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan masih boleh bergantung kepada s 3(1)(f), responden berhujah bahawa seksyen tersebut adalah tidak *constitutional* (*unconstitutional*). Meneruskan hujahnya tentang isu ini responden memetik hujah bertulis beliau bertajuk 'Additional Submission on behalf of the respondent':

> Section 3(1)(f) describes, as a seditious tendency, the questioning of any prerogative protected under Article 181 of the Federal Constitution.
>
> The question therefore is whether the words allegedly uttered by the respondent to the effect that the Sultan acted ultra vires and could be taken to Court come within 'a prerogative protected under Article 181 Federal Constitution.'
>
> It is respectively submitted that the answer to this is found in *Article 181* itself.
>
> Article 181 Federal Constitution [Tab 2] states;
>
> 181 Saving for Rulers Sovereignty, etc
>
> (1) *Subject to the provisions of this Constitution, the sovereignty, prerogatives, powers and jurisdiction of the Rulers and the prerogatives, powers and jurisdiction of the Ruling Chiefs of Negeri Sembilan within their respective territories as hitherto had and enjoyed shall remain unaffected.*
>
> (Emphasis added.)
>
> It is to be observed that the protection afforded under Article 181 is *not absolute.* This is reflected by the opening words of Article 181 which read, 'Subject to the provisions of this Constitution …
>
> This phrase has been interpreted in *Government of the Federation of Malaya v Surinder Singh Kanda* [1967] MLJ 121 (Court of Appeal) [Tab 3]
>
> *But there are limiting words. The Article commences with the words 'subject to the provisions of any existing law and to provisions of this Constitution.' In my view, as a matter of construction, these words limit the powers of the Commission and do*

*not merely mean that these powers are to be exercised in accordance with any procedural requirements of the existing laws or of the Constitution. As was said by Lord Simmonds in the case of Smith v London Transport Executive the words 'are apt to enact that the powers thereafter given are subject to restrictions or limitations to be found elsewhere. Later at page 569, His Lordship said*

*'the words 'subject to the provisions of this Act' … are naturally words of restriction. They assume an authority immediately given and give a warning that elsewhere a limitation upon that authority will be found.*

Although the judgment of the Court of Appeal in *Kanda* was set aside, (see *B Surinder Singh Kanda v Government of the Federation of Malaya* [1962] 28 MLJ 169 – Tab 4) the above propositions of law were upheld.

*Article 160* of the *Federal Constitution [Tab 5]* defines public authority to include the Yang Dipertuan Agong, *the Ruler* or the Yang Dipertua Negeri of the State, the Federal Government, the Government of a State, a local authority, a statutory authority exercising powers vested in it by federal or State law, any court or tribunal other than the Federal Court, the Court of Appeal and the High Courts or any officer or authority appointed by or acting on behalf of any of those persons, courts, tribunals or authorities.

This being the case, the statement of the respondent vide his statement and question and answer session (exhibits P3 and P8 *Tab 6*) to the effect that the Sultan of Perak may have acted ultra vires and as such could be taken to Court by way of judicial review (under O 53 RHC), would not be protected by Article 181 which clearly says that it is subject to the provisions of the Federal Constitution which clearly includes Article 160 which includes as a public authority the Sultan of Perak who could in his conduct as a Public Authority be subject to judicial review.

In fact it should be noted that the Yang Di Pertuan Agong has been brought Court. See *Re Tan Boon Liat* [Tab 7]; *Teh Cheng Poh @ Char Meh v Public Prosecutor Malaysia* [1980] AC 458 Tab 8]

It should be noted that the High Court in *Melan bin Abdullah [Tab 9]* clearly fell into error in that it was not referred to Article 181, which is not absolute but subject to the provisions of the Federal Constitution, including the definition of public authority under Article 160of the Federal Constitution. The ruling in *Melan* that section 3(2) of the Sedition Act was nugatory cannot hold water as it would make Article 181 redundant.

We submit therefore that Melan was wrongly decided and this Court of Appeal should overrule it.

We submit therefore that the words of the respondent do not have a seditious tendency under section 3(1)(f) and therefore is not excluded from protection of section 3(2) of the Sedition Act.

In this particular case, clearly it can be seen the respondent was pointing out in his view an error on the part of the Sultan of Perak and intimating that the Sultan of Perak could be subjected to judicial review and in the circumstances he was pointing out 'that the Ruler has been misled or mistaken in any of his measures.'

In the circumstance the learned trial judge was correct in ruling that the statement made by the respondent fell within the exception of section 3(2) of the Sedition Act.

**[31]** Responden berhujah bahawa kes *Melan bin Abdullah v Public Prosecutor* telah tersilap diputuskan. Menurut responden, kes tersebut telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi tanpa berpeluang menimbangkan hujah yang dikemukakan oleh respoden di mahkamah ini sekarang. Jika hujah yang dikemukakan oleh beliau sekarang telah dikemukakan dalam kes *Melan bin Abdullah v Public Prosecutor*, hakim yang membicarakan kes itu mungkin akan membuat keputusan yang berbeza. Responden menyatakan bahawa mahkamah ini tidak terikat dengan keputusan dalam *Melan bin Abdullah v Public Prosecutor*. Responden menyeru mahkamah ini menimbangkan dengan serius sama ada s 3(1)(f) Akta 15 itu *constitutional* atau tidak.

**[32]** Dalam hujah balasannya TPR menyatakan bahawa soal *tactical disadvantage* tidak timbul kerana pihak pendakwaan telah mengemukakan kesemua keterangan di hadapan Mahkamah Tinggi. TPR berhujah bahawa peruntukan undang-undang boleh digunakan pada bila-bila masa. Tentang hujah bahawa s 3(1)(f) tidak *constitutional*, jawapan TPR adalah seperti berikut:

(a) kebebasan bersuara yang diperuntukkan di bawah perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan bukanlah kebebasan yang mutlak. Ia tertakluk kepada fasal (2), (3) dan (4) Perkara yang sama. Parlimen boleh membuat undang-undang menghadkan kebebasan tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah perkara 10(2), (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan. Kes *Madhavan Nair & Anor v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 264 telah dirujuk sebagai autoriti;

(b) kebebasan bersuara juga tertakluk kepada kepentingan yang lebih besar, iaitu kepentingan masyarakat. Penghakiman dalam *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* telah dirujuk sebagai autoriti;

(c) terdapat *presumption of constitutionality* yang memihak kepada keesahan peruntukan undang-undang yang dipertikaikan (dalam kes ini s 3(1)(f)) dan beban adalah terletak di pihak responden untuk membuktikan sebaliknya. Kes *Public Prosecutor v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566 telah dikemukakan sebagai autoriti; dan

(d) walaupun mahkamah mesti memastikan supaya kekebasan asasi yang dijamin oleh Perlembagaan tidak dilanggar oleh badan perundangan (*legislature*), mahkamah mestilah juga sentiasa mendokong konsep pengasingan kuasa-kuasa. Lantaran itu kalau pun mahkamah tidak bersetuju dengan sesuatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen

tetapi undang-undang itu tidak melanggar mana-mana peruntukan Perlembagaan, maka mahkamah hendaklah menegakkan undang-undang tersebut.

**[33]** Kami tidak dapat menerima hujah responden bahawa pihak pendakwaan tidak boleh bergantung kepada s 3(1)(f) Akta 15. Dalam kes *Public Prosecutor v Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 MLJ 409, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa satu keputusan boleh dibuat atas asas yang tidak dinyatakan oleh pihak pendakwaan dalam ucapan pembukaannya. Tetapi ianya mestilah dilakukan sebegitu rupa supaya ianya tidak meletakkan orang kena tuduh dalam *tactical disadvantage* yang menyebabkan ketidakadilan kepadanya. Dalam kes tersebut di mana orang kena tuduh dituduh mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya, ucapan pembukaan pihak pendakwaan hanya menyebut tentang perbuatan menjual dadah. Tiada rujukan dibuat tentang pemilikan dadah oleh orang kena tuduh. Dalam penghakimannya Augustine Paul HMP menyatakan:

*In short the determinative factor is whether the defence has had the opportunity to meet the new basis for conviction.* A similar test is also applicable when the prosecution leads evidence to which no reference has been made in the opening address. It follows that it cannot be automatically excluded as done in cases such as *Public Prosecutor v Kang Choo Heng & Anor* [1991] 3 CLJ 2574 and *Pendakwa Raya v Norfaizal* [2004] 1 AMR 310 without any consideration of the element of prejudice. Where the procedures just described have not been followed the burden will be on the defence to show the manner in which it has been prejudiced followed with a reply by the prosecution.

The objection of learned counsel to the use of the presumption of trafficking against the accused was not supported by particulars of the prejudice that the defence may suffer. Neither did the prosecution comment on this aspect of the defence submission. The task therefore falls on us to determine whether the accused will suffer any prejudice if the presumption of trafficking is invoked against the accused. The activation of the presumption of trafficking under s 37(da) of the Act requires proof of actual possession of the dangerous drugs by the prosecution. In the opening address there is no mention of possession of the dangerous drugs by the accused. It only refers to the arrangement made between the accused and PW7 for the sale of the drugs. However, the evidence adduced by the prosecution shows that the accused was in actual possession of the drugs. The notes of evidence reveal that witnesses who testified on this issue were cross-examined by the defence. When the accused was called upon to enter his defence he declined to recall any of the prosecution witnesses. In this regard the notes of evidence at Jilid 2 p 128 reads as follows:

(Peguam tertuduh memaklum ia tidak bercadang memanggil semula mana-mana saksi pendakwa).

The examination in chief of the accused was wholly on the fact that the bag which contained the dangerous drugs was carried by one Ismail and not him. In his cross-examination he denied that he negotiated for the sale of the drugs with PW7. The examination in chief of his witness Mohd Saupi bin Jusoh (DW2) was also only on the question of possession. The submission of the defence at the end of the case was also on the issue of possession of the bag containing the dangerous drugs. The facts that the accused cross-examined the prosecution witnesses on the issue of possession; that he was given an opportunity to recall witnesses for the prosecution and that his defence was one of negating possession mean that he will not be prejudiced as a result of a conviction based on possession. Accordingly the presumption of trafficking under s 37(da) of the Act can be invoked against the accused as there is evidence of actual possession.

**[34]** Kami tidak fikir dalam keadaan kes ini responden telah diletakkan dalam *tactical disadvantage*. Pertuduhan yang dihadapi oleh responden menepati peruntukan di bawah s 155 Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan bahawa dalam tiap-tiap pertuduhan perkataan-perkataan yang digunakan bagi menerangkan sesuatu kesalahan itu hendaklah disifatkan telah digunakan dengan maksud sebagaimana yang diberikan oleh undang-undang di bawah mana kesalahan itu boleh dihukum. Sebenarnya dalam kes ini tidak terdapat asas baru bagi pembuktian kes prima facie. Asas yang digunakan ialah perkataan-perkataan responden seperti mana dalam kenyataan akhbarnya ('P3') dan sessi soal jawab dalam sidang akhbarnya yang juga dibuktikan melalui P8. Dalam perkataan-perkataan responden dalam sidang akhbarnya, secara inti patinya responden sebenarnya bercakap tentang dua perkara pokok:

(a) tindakan DYMM Sultan Perak memecat Dato' Seri Nizar di bawah perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak; dan

(b) tindakan Baginda melantik Zamri sebagai Menteri Besar Perak yang baru.

Sama ada disukai atau tidak, adalah jelas bahawa kedua-dua perkara pokok tersebut adalah mengenai atau menyentuh kuasa dan prerogatif DYMM Sultan Perak. Lantaran itu jika perkataan-perkataan responden itu terbukti mempunyai kecenderungan bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan keistimewaan atau prerogatif DYMM Sultan sebagai Raja, yang ditetapkan atau dilindungi oleh perkara 181 Perlembagaan Persekutuan, maka perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(f) Akta 15. Itu sebenarnya sudah cukup untuk membuktikan kesalahan menyebut perkataan-perkataan menghasut di bawah s 4(1)(b). Tetapi, jika perkataan-perkataan responden yang sama itu terbukti mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap DYMM Sultan Perak, maka perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan

menghasut di bawah s 3(1)(a) Akta 15. Jika perkataan-perkataan responden yang sama itu pula terbukti mempunyai kecenderungan bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat DYMM Sultan Perak, maka perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(d) Akta 15. Pendeknya, dalam konteks keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dalam kes ini (P3 dan P8), dalam mempertimbangkan kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) dan/atau s 3(1)(d) Akta 15, mahkamah tidak dapat lari dari dan mesti mempertimbangkan perkataan-perkataan responden yang menyentuh kuasa dan prerogatif DYMM Sultan Perak seperti yang diperuntukkan di bawah perkara 16(1), (2) dan (6) serta perkara 18(2)(a) dan (b) Perlembagaan Negeri Perak. Justeru itu, jika, dalam mempertimbangkan sama ada perkataan-perkataan responden mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) dan 3(1)(d) kelak, adalah jelas kepada mahkamah bahawa perkataan-perkataan responden itu juga mempunyai kecenderungan bagi mempersoalkan hak, kuasa atau prerogatif DYMM Sultan yang ditetapkan atau dilindungi di bawah perkara 181 Perlembagaan Persekutuan, wajarkah mahkamah mengambil sikap dan berkata — pohon maaf, walaupun perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(f) kerana perkataan-perkataan responden itu jelas mempunyai kecenderungan mempersoalkan kuasa dan prerogatif DYMM Sultan Perak seperti yang ditetapkan atau dilindungi oleh perkara 181 Perlembagaan Persekutuan, kami tidak boleh berbuat apa-apa dan tidak akan mempedulikannya kerana pihak pendakwaan tidak menyatakan bahawa ia bergantung kepada s 3(1)(f) dalam ucapan pembukaannya dan tidak berhujah di Mahkamah Tinggi tentang seksyen tersebut? Bagi kami adalah tidak wajar dan tidak masuk akal bagi mahkamah mengambil sikap demikian. Di akhir kes pihak pendakwaan tugas mahkamah ialah menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap orang kena tuduh. Seksyen 180(4) Kanun Acara Jenayah memperuntukkan:

> a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving *each ingredient of the offence* which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

**[35]** Sehubungan ini dalam kes bunuh misalnya, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan elemen kesalahan tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah s 300 Kanun Keseksaan. Katakanlah dalam suatu perbicaraan kes bunuh, dalam ucapan pembukaannya pihak pendakwaan hanya mahkamah mendapati elemen kesalahan bunuh di bawah seksyen tersebut tidak terbukti, tetapi elemen kesalahan tersebut di bawah s 300(c) telah terbukti. Wajarkah mahkamah bersikap oleh kerana pihak pendakwaan hanya bergantung kepada s 300(a), mahkamah tidak boleh berbuat apa-apa dan melepaskan orang kena tuduh walaupun elemen di bawah s 300(c) jelas terbukti? Kami fikir adalah

tidak wajar bagi mahkamah bersikap demikian. Bagi kami adalah menjadi tanggungjawab mahkamah menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan mana-mana satu dari elemen di bawah s 300 Kanun Keseksaan. Bagi kesalahan di bawah s 4(1)(b) Akta 15 (seperti dalam kes responden), selepas membuktikan bahawa orang kena tuduh telah menyebut perkataan-perkataan yang didakwa menghasut, bagi elemen kedua — iaitu sama ada perkataan-perkatan tersebut menghasut, pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan bahawa perkataan-perkataan tersebut mempunyai kecenderungan menghasut di bawah mana-mana satu atau lebih dari enam perenggan di bawah s 3(1) Akta 15. Hal ini dijelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Mark Koding* [1983] 1 MLJ 111 di mana dalam penghakimannya Mohamed Azmi H (pada masa itu) menyatakan:

> In my view, for the prosecution to succeed in this case, there is no necessity to prove that the accused's speech has caused actual violence or actual adverse reaction. The prosecution need only prove under the second ingredient that the words uttered by the accused have one or more of the six tendencies enumerated in s 3(1) to render the words uttered as having a seditious tendency. Thus, all the prosecution need to prove is that the accused has made a speech or uttered words which qualify the speech or words as one having a seditious tendency. In this case, it is sufficient if the words or speech impugned have a tendency to raise discontent or disaffection amongst the inhabitants of Malaysia: or a tendency to promote feelings of ill-will and hostility between the different races in Malaysia; or a tendency to question any matter, right, status or position established or protected by the provision of art 152 of the Federal Constitution.

**[36]** Dalam mempertimbangkan persoalan sama ada perkataan-perkataan responden itu menghasut atau tidak, pandangan saksi-saksi yang mendengar perkataan-perkataan tersebut bukan penentunya dan sebenarnya adalah tidak relevan. Mahkamahlah yang mesti memutuskan sama ada perkataan-perkataan responden itu menghasut atau tidak (lihat *Public Prosecutor v Mark Koding*). Mahkamahlah yang mesti membuat garisan yang memisahkan pandangan atau komen politik dari perkataan-perkataan yang menghasut (lihat *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*).

**[37]** Walaupun pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan bahawa perkataan-perkataan responden itu telah menyebabkan *actual violence* atau *actual adverse reaction*, dan walaupun pandangan orang-orang yang mendengar perkataan-perkataan responden adalah tidak relevan untuk pertimbangan sama ada perkataan-perkataan responden itu menghasut atau tidak (lihat *Public Prosecutor v Mark Koding*), saksi-saksi yang hadir dalam sidang akhbar responden SP1, SP2, SP3 dan SP8 dan pengadu-pengadu laporan-laporan polis (P17, P21 dan P22) telah disoal balas oleh responden dan ditanya pandangan mereka terhadap perkataan-perkataan responden. Dalam keadaan yang telah dihuraikan itu, kami tidak fikir responden telah diletakkan dalam

*tactical disadvantage* yang membawa prejudis kepadanya. Tentang hujah responden bahawa beliau telah terlepas peluang untuk memohon Mahkamah Tinggi merujukkan persoalan tentang *constitutionality* s 3(1)(f) Akta 15 ke Mahkamah Persekutuan di bawah s 84(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91), dalam pandangan kami itu bukan *tactical disadvantage* yang dimaksudkan dalam kes *Public Prosecutor v Sa'ari Jusoh*. Tambahan pula dan ini yang lebih penting, terdapat *presumption of constitutionality* yang mempertahankan keesahan s 3(1)(f) Akta 15.

**[38]** Dengan hal yang demikian, kami memutuskan bahawa pihak pendakwaan boleh bergantung kepada s 3(1)(f) Akta 15. Dalam penghakiman kami dalam mempertimbangkan sama ada berdasarkan kepada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan menghasut atau tidak, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk mempertimbangkan bukan sahaja sama ada perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(a) dan s 3(1)(d) Akta 15, tetapi juga sama ada perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(f).

*CONSTITUTIONALITY* S 3(1)(f) AKTA 15

**[39]** Kami beralih kepada hujah responden bahawa s 3(1)(f) Akta 15 adalah tidak *constitutional*. Dari hujah responden yang telah kami petik sepenuhnya inti pati hujah responden tentang isu ini adalah seperti berikut. Seksyen 3(1)(f) memperuntukkan kecenderungan menghasut sebagai kecenderungan untuk mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang dilindungi di bawah perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu persoalan yang timbul ialah sama ada perkataan-perkataan responden yang membawa efek bahawa DYMM Sultan bertindak *ultra vires* dan boleh dibawa ke mahkamah termasuk dalam ayat 'a prerogative protected under Article 181 Federal Constitution'. Menurut responden jawapannya ada dalam peruntukan perkara 181 itu sendiri. Responden berhujah bahawa perkataan-perkataan 'subject to the provisions of this constitution' di permulaan perkara 181 menjadikan perlindungan yang diberikan oleh perkara 181 tidak mutlak (*not absolute*). Ini bererti bahawa perkara 181 itu adalah tertakluk kepada dan dihadkan oleh peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan termasuk dalam konteks kes ini, perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang memberikan takrif *public authority* meliputi Raja (*the Ruler*). Responden berhujah bahawa oleh yang demikian, pernyataan beliau dalam kenyataan akhbar beliau dan dalam sesi soal jawab (eksh P3 dan P8) yang membawa efek bahawa DYMM Sultan Perak telah bertindak *ultra vires* dan oleh itu boleh dibawa ke mahkamah melalui semakan kehakiman, tidak dilindungi oleh perkara 181 yang dengan jelas

memperuntukkan bahawa ia tertakluk kepada perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang mentafrifkan *public authority* meliputi Sultan Perak yang dalam tindakan Baginda sebagai *public authority* adalah tertakluk kepada semakan kehakiman:

> This being the case, the statement of the respondent vide his statement and question and answer session (exhs P3 and P8 *Tab 6*) to the effect that the Sultan of Perak may have acted ultra vires and as such could be taken to court by way of judicial review (under O 53 of the RHC), would not be protected by art 181 which clearly says that it is subject to the provisions of the Federal Constitution which clearly includes art 160 which includes as a public authority the Sultan of Perak who could in his conduct as a public authority be subject to judicial review.

**[40]** Menurut responden, Yang di-Pertuan Agong pernah dibawa ke mahkamah. Kes *Re Tan Boon Liat* dan *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor* [1979] 1 MLJ 50 telah dirujuk sebagai autoriti. Responden berhujah bahawa *Melan bin Abdullah v Public Prosecutor* telah tersilap diputuskan kerana perkara 181 (yang bersifat tidak mutlak) telah tidak dirujukkan kepada mahkamah. Pendeknya, dalam pengamatan kami teras hujah responden ialah bahawa s 3(1)(f) yang menjadikannya 'taboo' untuk mempersoalkan prerogatif yang dilindungi oleh perkara 181 adalah tidak *constitutional* kerana prerogatif di bawah perkara 181 itu tertakluk kepada perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan tindakan Sultan sebagai 'public authority' tertakluk kepada semakan kehakiman.

**[41]** Kami tidak dapat menerima hujah tersebut. Hujah responden itu diasaskan atas dua perkara. Pertama, perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dan kedua, kes *Re Tan Boon Liat* dan kes *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor*. Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan adalah peruntukan mengenai makna perkataan-perkataan tertentu yang diperuntukkan di bawah perkara tersebut. Salah satu perkataan yang disenaraikan ialah 'public authority'. Di bawah perkara 160 Perlembagaan Persekutuan:

> 'Public authority' means the Yang di-Pertuan Agong, the Ruler or Yang di-Pertua Negeri of a State, the Federal Government, the Government of a State, a local authority, a statutory authority exercising powers vested in it by federal or State law, any court or tribunal other than the Federal Court, the Court of Appeal and High Courts, or any officer or authority appointed by or acting on behalf of any of those persons, courts, tribunals or authorities;

**[42]** Memang benar makna 'public authority' merangkumi 'the Ruler' (Raja). Tetapi di bawah perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dan definisi 'public authority' tiada apa-apa yang menyatakan bahawa Raja atau Sultan boleh dibawa ke mahkamah. Responden bergantung kepada kes *Re Tan Boon Liat* dan kes *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor*. Kami tidak fikir kedua-dua kes

tersebut jika pun ditimbangkan bersekali dengan definisi 'public authority' di bawah perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dapat menyokong hujah responden. Perayu-perayu dalam kes *Re Tan Boon Liat* telah dikenakan perintah tahanan di bawah s 4(1) Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969. Mereka telah membuat representasi kepada lembaga penasihat terhadap perintah tahanan tersebut, tetapi lembaga penasihat telah tidak mengemukakan syor kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan dari tarikh perintah tersebut seperti yang diperuntukkan oleh perkara 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun Yang di-Pertuan Agong telah mengesahkan perintah-perintah tahanan mereka itu. Perayu-perayu telah memohon writ *habeas corpus* dan mendakwa bahawa tahanan berterusan mereka selepas tamat tempoh tiga bulan dari tarikh perintah tahanan (dalam masa mana lembaga penasihat telah tidak mengemukakan syor kepada Agong) adalah tidak sah. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa kegagalan lembaga penasihat menjalankan tanggungjawabnya dalam masa tiga bulan yang ditetapkan oleh undang-undang menjadikan penahanan berterusan perayu-perayu selepas tempoh tiga bulan tersebut tidak sah. Mahkamah Persekutuan juga memutuskan bahawa walaupun perintah-perintah tahanan berkenaan telah disahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, keputusan Baginda adalah *ultra vires* dan boleh dibetulkan oleh mahkamah. Jadi, dalam kes tersebut Yang di-Pertuan Agong tidak dibawa ke mahkamah. Apa yang dibawa dan dipertikaikan di mahkamah ialah tindakan Yang di-Pertuan Agong. Tetapi apa yang lebih penting ialah mahkamah tidak membuat keputusan tentang kuasa dan prerogatif Yang di-Pertuan Agong di bawah peruntukan yang serupa atau mempunyai kesan yang sama dengan perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak. Mahkamah tidak membuat keputusan tentang apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif Yang di-Pertuan Agong atau Sultan Perak yang ditetapkan dan dilindungi oleh perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

**[43]** Dalam kes *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor* juga mahkamah tidak membuat keputusan tentang kuasa prerogatif Yang di-Pertuan Agong atau Raja yang ditetapkan dan dijamin oleh perkara 181 Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes tersebut *Teh Cheng Poh* telah dituduh dengan *security offence* kerana memiliki senjata api dan peluru, dan telah dibicarakan di bawah Essential (Security Cases) (Amendment) Regulations 1975 ('ESCAR'). Di bawah ESCAR *Teh Cheng Poh* telah dibicarakan oleh seorang hakim yang bersidang tanpa juri atau pengapit seperti yang diperuntukkan oleh prosedur perbicaraan jenayah biasa di bawah Kanun Acara Jenayah. *Teh Cheng Poh* telah disabitkan dan dikenakan hukuman mati. Rayuannya ke Mahkamah Persekutuan telah ditolak. *Teh Cheng Poh* merayu ke Privy Council dengan alasan ESCAR adalah tidak sah. ESCAR telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1975 di bawah Emergency (Essential Powers) Ordinance 1969 ('Ordinan No 1'). Privy Council memutuskan bahawa di bawah perkara

150(2) Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang dalam masa darurat hanya pada masa Parlimen tidak bersidang. Oleh itu peruntukan-peruntukan di bawah Ordinan No 1 yang menyambung kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk membuat undang-undang tamat apabila Parlimen bersidang pada 20 Februari 1971, dan selepas itu Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai kuasa untuk meminda kaedah perbicaraan yang ditetapkan di bawah Kanun Acara Jenayah, dan dengan itu ESCAR adalah *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan dan adalah tidak sah dan perbicaraan *Teh Cheng Poh* adalah satu ketaksahan (*nullity*). Jadi dalam kes tersebut juga Yang di-Pertuan Agong tidak dibawa ke mahkamah. Apa yang lebih penting ialah dalam kes itu apa yang dicabar ialah tindakan Yang di-Pertuan Agong (sebagai Raja Berpelembagaan) pada menjalankan kuasa eksekutif Kerajaan Persekutuan yang mana Baginda mesti bertindak menurut nasihat Kabinet (lihat perkara 39, 40(1), 40(1A) dan 40(3) Perlembagaan Persekutuan). Kuasa atau prerogatif yang boleh dijalankan oleh Baginda menurut budi bicara Baginda seperti yang diperuntukkan di bawah perkara 40(2) Perlembagaan Persekutuan tidak dipersoalkan dalam kes itu dan adalah tidak tercabar oleh keputusan Privy Council dalam kes itu. Hal ini jelas dari penghakiman Lord Diplock yang menyampaikan penghakiman Privy Council (ms 52):

> Although this, like other powers under the Constitution, is conferred nominally upon the Yang di-Pertuan Agong by virtue of his office as the supreme head of the Federation and is expressed to be exercisable if he is satisfied of a particular matter, *his functions are those of a constitutional monarch and, except on certain matters that do not concern the instant appeal*, he does not exercise any of his functions under the Constitution on his own initiative but is required by art 40(1) to act in accordance with the advice of the cabinet So when one finds in the Constitution itself or in a federal law powers conferred upon the Yang di-Pertuan Agong that are expressed to be exercisable if he is of opinion or is satisfied that a particular state of affairs exists or that particular action is necessary, the reference to his opinion or satisfaction is in reality a reference to the collective opinion or satisfaction of the members of the cabinet, or the opinion or satisfaction of a particular minister to whom the cabinet have delegated their authority to give advice upon the matter in question.

**[44]** Ertinya, kuasa dan prerogatif yang selama ini dinikmati oleh Raja dan dilindungi di bawah perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak terjejas. Di antara prerogatif Sultan (yang relevan dalam kes di hadapan kami) yang tidak terjejas oleh keputusan dalam kes *Teh Cheng Poh v Public Prosecutor* ialah kuasa melantik Menteri Besar dan kuasa untuk tidak memberi izin kepada permintaan untuk pembubaran Dewan Undangan Negeri yang diperuntukkan di bawah perkara 18(2)(a)–(b) Perlembagaan Negeri Perak. Kuasa dan prerogatif tersebut adalah tidak tertakluk kepada *judicial review*. Ini dijelaskan oleh Lord Roskill dalam *Council of Civil Service Union & Ors v Minister for the Civil Service* [1984] 3 All ER 935 (yang dirujuk oleh

Mahkamah Rayuan dalam *Dato' Dr Zambry bin Abd Kadir v Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Attorney General of Malaysia, intervener)* [2009] 5 MLJ 464):

> … Prerogative powers such as those relating to the making of treaties, the defence of the realm, the prerogative of mercy, the grants of honours, the dissolution of Parliament and the appointment of ministers as well as others are not, I think, susceptible to judicial review because of their nature and subject matter is such as not to be amenable to the judicial process. The courts are not the place wherein to determine whether a treaty should be concluded or the armed forces, disposed in a particular manner or Parliament dissolved on one date rather than another.

**[45]** Sehubungan ini dalam kes *Datuk (Datu) Amir bin Kahar Tun Haji Mustapha v Tun Mohamad Said bin Keruak & Ors* [1994] 3 MLJ 737 mahkamah menyatakan:

> It is accepted that when anyone is given the absolute discretion to decide upon certain matters, it is not the function of the court to inquire as to how the person exercises his discretion on the matters and the factors he took into consideration in exercising such a discretion. See *Tun Datu Hj Mustapha bin Datu Harun v Tun Datuk Hj Mohamed Adnan Robert, Yang Di-Pertua Negeri Sabah and Datuk Joseph Pairin Kitingan (No 2)* [1986] 2 MLJ 420. The subjective determination of the person is non-justiciable.

**[46]** Selain itu dalam undang-undang Perlembagaan terdapat prinsip mengenai *presumption of constitutionality* yang memihak kepada keesahan s 3(1)(f) Akta 15 (lihat *Public Prosecutor v Pung Chen Choon* [1994] 1 MLJ 566, *Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Anor v Kajing Tubek & Ors and other appeals* [1997] 3 MLJ 23; [1997] 4 CLJ 253). Dalam kes *Kajing Tubek*, di ms 38 (MLJ); ms 273 (CLJ), Gopal Sri HMR menyatakan:

> There is yet another principle of constitutional law that is relevant to these appeals and upon which Dato Gani Patail has relied. It is presumption of constitutionality operating in favour of legislation passed by Parliament: see *Public Prosecutor v Datuk Harun bin Haji Idris and Ors* [1976] 2 MLJ 116 and *Commonwealth of Australia and Anor v State of Tasmania and Ors* (1983) 158 CLR 1. The essence of this presumption — a rebuttable one — is that Parliament does not intend to make laws that conflict with the provisions or the basic fabric of the Federal Constitution.

**[47]** Dalam penghakiman kami tidak terdapat sebarang alasan bagl kami untuk memutuskan bahawa s 3(1)(f) Akta 15 adalah tidak *constitutional*.

**[48]** Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah kami huraikan itu, kami memutuskan bahawa s 3(1)(f) Akta 15 adalah *constitutional*. Ini membawa kami semula kepada pertuduhan terhadap responden.

**[49]** Responden dituduh dengan satu kesalahan menghasut di bawah s 4(1)(b) Akta 15. Seksyen tersebut memperuntukkan:

Mana-mana orang yang —

(b) menyebut apa-apa perkataan menghasut: Melakukan suatu kesalahan …

**[50]** Dalam bahasa Inggeris seksyen tersebut berbunyi:

Any person who —

(b) utters any seditious words; Shall be guilty of an offence …

**[51]** Seksyen 2 Akta 15 memperuntukkan:

'Menghasut' apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, *perkataan,* penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai *kecenderungan menghasut*.

**[52]** Dalam Bahasa Inggeris peruntukan tersebut berbunyi:

'seditious' when applied to or used in respect of any act, speech, words, publication or other thing qualifies the act, speech, words, publication or other thing as one having a seditious tendercy.

**[53]** Kecenderungan menghasut dijelaskan di bawah s 3 Akta 15 seperti berikut:

3(1) Sesuatu 'kecenderungan menghasut' ialah kecenderungan —

(a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;

(b) bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;

(c) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;

(d) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri:

(e) bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau

(f) bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

**[54]** Naskhah Bahasa Inggeris peruntukan tersebut berbunyi:

3(1) A 'seditious tendency' is a tendency —

(a) to bring into hatred or contempt or to excite disaffection against any Ruler or against any Government;

(b) to excite the subjects of any Ruler or the inhabitants of any territory governed by any Government to attempt to procure in the territory of the Ruler or governed by the Government, the alteration, otherwise than by lawful means, of any matter as by law established;

(c) to bring into hatred or contempt or to excite disaffection against the administration of justice in Malaysia or in any State;

(d) to raise discontent or disaffection amongst the subjects of the Yang di-Pertuan Agong or of the Ruler of any State or amongst the inhabitants of Malaysia or of any State;

(e) to promote feelings of ill-will and hostility between different races or classes of the population of Malaysia; or

(f) to question any matter, right, status, position, privilege, sovereignty or prerogative established or protected by the provisions of Part III of the Federal Constitution or Article 152, 153 or 181 of the Federal Constitution.

**[55]** Jadi, untuk membuktikan kesalahan di bawah s 4(1)(b) pihak pendakwaan mestilah membuktikan orang kena tuduh itu menyebut perkataan-perkataan menghasut. Untuk membuktikan perkataan-perkataan tersebut menghasut, pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan bahawa perkataan-perkataan tersebut mempunyai kecenderungan menghasut seperti mana yang dijelaskan di bawah mana-mana satu atau lebih dari enam perenggan di bawah s 3(1)(a)–(f). Pihak pendakwaan juga tidak perlu membuktikan bahawa perkataan-perkataan orang kena tuduh itu telah menyebabkan keganasan sebenar atau reaksi *adverse* sebenar. Pandangan saksi-saksi yang mendengar perkataan-perkataan yang didakwa menghasut itu juga bukan penentu dan adalah tidak relevan dalam pertimbangan sama ada perkataan-perkataan tersebut menghasut. Mahkamahlah yang mesti memutuskan sama ada perkataan-perkataan tersebut menghasut atau tidak. Hal ini dijelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Mark Koding* [1983] 1 MLJ 111 di mana dalam penghakimannya Mohamed Azmi H (pada masa itu) menyatakan:

> In this case, it is the contention of learned defence counsel that the two passages of accused's speech, as contained in Appendix 'A', are not seditious on the ground that there is no evidence of violence or adverse reaction to the speech. Under cross-examination, Mr Chan, the complainant, admitted that he was not enraged by the speech, but he felt hurt. It seems to be suggested that the prosecution must lead evidence to prove that there was actual violence or adverse reaction to the speech before they can become seditious. It is also the contention of defence counsel that without any explanation given by Mr Chan or Datuk Pathmanaban as to why they thought the speech was seditious, the prosecution cannot be said to have proved their case. It is further contended that under s 6(1) of the Act, Mr Chan's opinion that the speech was seditious must be corroborated, and since Datuk Pathmanaban does not testify, the Accused should not be found guilty. In my view, for the prosecution to succeed in this case, *there is no necessity to prove that the accused's speech has caused actual violence or or actual adverse reaction. The prosecution need only prove under the second ingredient that the words uttered bv the accused have one or more of the six tendencies enumerated in s 3(1) to render the words uttered as having a seditious tendency.* Thus, all the Prosecution need to prove is that the accused has made a speech or uttered words which qualify the speech or words as one having a seditious tendency. In this case, it is sufficient if the words or speech impugned have a tendency to raise discontent or disaffection amongst the inhabitants of Malaysia: or a tendency to promote feelings of ill-will and hostility between the different races in Malaysia; or a tendency to question any matter, right, status or position established or protected by the provision of art 152 of the Federal Constitution.

**[56]** Kemudian, setelah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*, YA hakim tersebut menyambung:

> Although His Lordship was dealing with 'seditious tendency' under paragraph (a) of s 3(1), it is clear law that, the opinion of Mr Chan or Datuk Pathmanaban is irrelevant in determining whether the impugned words are seditious. It is for the court to decide and, as such, the question of corroboration does not arise. In my view, s 6(1) of the Sedition Act which provides that no person shall be convicted of an offence under s 4 on the uncorroborated testimony of one witness, refers to the actus reus. Thus, in the present case, the fact that the accused made the impugned speech must be corroborated, but no corroboration is required on the mens rea, since the intention of the accused is immaterial by virtue of sub-s 3(3) of the Act. *Thus, it is immaterial whether the accused's intention or motive was honourable or evil when making the speech.*

**[57]** Bagi kesalahan menghasut di bawah Akta 15 juga tidak ada keperluan untuk membuktikan niat untuk membangkitkan keganasan, kekacauan atau ketidaktenteraman. Ini dijelaskan dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* di mana Raja Azlan Shah H (pada masa itu) menyatakan:

> Although it is well to say that our sedition law had its source, if not its equivalent from English soil, its waters had, since its inception in 1948, flowed in different streams. I do not think it necessary to consider the matter in great detail because I have been compelled to come to the conclusion that *it is impossible to spell out any requirement of intention to incite violence, tumult or public disorder in order to constitute sedition under the Sedition Act. The words of sub-s (3) of s 3 of our Sedition Act and the subject-matter with which it deals repel any suggestion that such intention is an essential ingredient of the offence.*

**[58]** *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* juga menjelaskan bahawa adalah tidak material sama ada perkataan-perkataan yang didakwa menghasut itu boleh mengakibatkan atau pada hakikatnya mengakibatkan mana-mana satu akibat yang disenaraikan di bawah s 3(1) Akta 15. Adalah juga tidak material sama ada perkataan-perkataan yang didakwa itu benar atau palsu. Orang kena tuduh tidak dibolehkan memberi alasan bahawa dia tidak berniat supaya perkataan-perkataannya itu membawa maksud semula jadinya. Ini jelas dari penghakiman dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* tersebut:

> In my view what the prosecution have to prove and all that the prosecution have to prove is that *the words complained of,* or *words equivalent in substance to those words, were spoken by accused* No 1 at the dinner party. *Once that is proved the accused will be conclusively presumed to have intended the natural consequences of his verbal acts and it is therefore sufficient if his words have a tendency to produce any of the consequences stated in s 3(1) of the Act. It is immaterial whether or not the words complained of could have the effect of producing or did in fact produce any of the consequences enumerated in the section. It is also immaterial whether the impugned*

*words were true or false* (see *Queen Empress v Ambru Prasad*). And it is not open to the accused to say that he did not intend his words to bear the meaning which they naturally bear (see *Maniben v Emperor*).

**[59]** Walaupun pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan apa-apa yang dinyatakan dalam perkataan-perkataan yang didakwa menghasut itu benar atau tidak, keterangan yang menunjukkan perkataan-perkataan tersebut tidak benar sama ada disengajakan atau tidak disengajakan, akan meningkatkan kemungkinan perkataan-perkataan tersebut menghasut. Ini dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Oh Keng Seng* [1977] 2 MLJ 206 di ms 211:

> Again whilst we would with respect agree that the prosecution is not obliged to prove that anything said in the speech was true or false, evidence to show that the allegations made were false whether wilfully or inadvertently so, would increase the likelihood that such utterances would have a seditious tendancy.

ELEMEN PERTAMA: SAMA ADA RESPONDEN MENYEBUT PERKATAAN-PERKATAAN MENGHASUT

**[60]** Dalam *Public Prosecutor v Oh Keng Seng* [1977] 2 MLJ 206, Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa perkataan-perkataan yang mempunyai kecenderungan menghasut boleh dinyatakan kepada bilangan orang yang sedikit:

> … I should think that words having a tendency to bring about hatred or contempt etc of any Ruler or against any Government, or to promote feelings of ill-will and hostility among the various ethnic groups etc can be uttered before a handful of persons and yet be seditious under our law.

**[61]** Seperti yang didapati oleh YA hakim bicara (dan kami bersetuju dengan beliau) bahawa tidak terdapat banyak pertikaian tentang pembuktian elemen ini. Dari keterangan yang dikemukakan tiada keraguan di fikiran kami bahawa pada 6 Februari 2009 jam lebih kurang 12 tengah hari responden telah mengadakan sidang akhbar (*press conference*) di pejabat guamannya di Jalan Pudu Lama, Kuala Lumpur. Sidang akhbar tersebut dihadiri oleh beberapa orang wartawan dan jurukamera dari beberapa wakil media massa dan elektronik termasuk RTM, TV3, *Utusan Malaysia*, akhbar berbahasa Tamil, Bahasa Inggeris dan *Malaysiakini*. Di antara yang menghadiri sidang akhbar tersebut ialah SP1, SP2, SP3, SP7, SP8 dan SP9. Sidang akhbar tersebut terbahagi kepada dua segmen. Keterangan SP1 yang juga disokong oleh keterangan SP2 dan SP8, membuktikan bahawa dalam segmen pertama sidang akhbamya responden membaca teks kenyataan akhbarnya yang sudah disediakan (eksh P3) yang juga telah diedarkan oleh responden kepada mereka. Dalam pengamatan kami keterangan SP1, SP2 dan SP8 itu sahaja sudah

memadai untuk membuktikan bahawa responden telah menyebut perkataan-perkataan seperti dalam P3. Dalam kes ini keterangan mereka juga disokong oleh rakaman dalam transkrip P8. Ini bererti bahawa bagi perkataan-perkataan responden seperti dalam P3, keperluan *corroboration* di bawah s 6(1) Akta 15 (yang memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan kerana suatu kesalahan di bawah s 4 Akta 15 atas testimoni yang tidak disokong yang diberikan oleh seorang saksi), telah dipenuhi (lihat *Public Prosecutor v Mark Koding* ms 114). Segmen kedua pula adalah soal jawab di antara responden dengan para wartawan seperti mana dalam transkrip ('eksh P8'). Ekshibit P8 disediakan oleh SP4 dari rakaman sidang akhbar tersebut yang telah dirakamkan oleh SP3 dalam tape mini Dv ('eksh P6'). Ekshibit P6 telah disalin oleh SP2 (yang hadir bersama-sama SP3 dalam sidang akhbar tersebut) dalam tape salinan — Dvc Pro ('eksh P7'). Eksh P8 telah dibuat oleh SP4 dari apa yang dirakamkan dalam eksh P7. P8 membuktikan perkataan-perkataan yang dinyatakan oleh responden dalam segmen kedua sidang akhbarnya itu, di samping menyokong pembuktian perkataan-perkataan yang dinyatakan oleh responden dalam segmen pertama seperti yang terkandung dalam P3. Dalam penghakiman kami pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen pertama. Malahan dari hujah lisan dan hujah bertulis beliau di hadapan kami responden tidak mempertikaikan perkataan-perkataan yang dinyatakan oleh beliau seperti dalam P3 dan P8.

ELEMEN KEDUA: SAMA ADA PERKATAAN-PERKATAAN RESPONDEN ITU MENGHASUT

**[62]** Inilah persoalan yang paling penting dalam kes ini.

**[63]** Dalam penghakimannya mulai ms 98 jilid 1 rekod rayuan, di bawah tajuk 'Apakah perkara-perkara yang perlu pihak pendakwaan buktikan', YA hakim bicara menyatakan bahawa:

(a) pihak pendakwaan gagal membuktikan klip berita TV3 pada jam 8 malam yang didakwa menyiarkan rakaman sidang akhbar responden;

(b) pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa sidang akhbar responden yang telah menghasut orang-orang yang berdemostrasi selepas sembahyang Jumaat di Masjid Ubudiah; dan

(c) 'sumber utama menghubungkan pengadu di dalam repot polis kepada hasutan tertuduh dengan klip berita TV3 adalah terputus dan gagal disandarkan di dalam kes pendakwaan'.

**[64]** Jadi adalah jelas bahawa YA hakim bicara telah memberikan penekanan kepada dan dipengaruhi oleh kesan atau akibat kenyataan akhbar responden.

Ini adalah salah arahan awal yang telah dilakukan oleh beliau. Penumpuan YA hakim bicara ke atas akibat atau *actual adverse reaction* kepada sidang akhbar responden terus terserlah dalam penghakiman beliau seterusnya. Di bawah tajuk 'Pihak Pendakwaan hanya membuktikan', YA hakim bicara menyatakan:

(1) Seperti yang dinyatakan di atas pendakwaan hanya membuktikan tunjuk perasaan dan bantahan selepas sembahyang Jumaat di Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar walhal berita tentang kenyataan akhbar pertama kali di siarkan dan diketahui umum melalui berita pada jam 6 ptg dan 9 malam oleh Rangkaian 1, RTM (P15 & P16).

(2) SP8 adalah pemberita untuk *Malaysiakini* Edisi Bahasa Cina. Mengikut SP8 berita tentang kenyataan akhbar (P3) (PC) tertuduh yang ditulisnya di dalam *Malaysiakini* di Edisi Cina tidak ada sebarang komen oleh orang awam. Mengikut SP8 kemungkinan semasa itu di bahagian Bahasa Cina, tidak dibuka kepada umum untuk komen, manakala SP8 tidak tahu tentang Edisi Inggeris kerana beliau hanya menumpukan kepada Edisi Cina. Pihak pendakwaan tidak pula mengemukakan sebarang keterangan akan Edisi Bahasa Inggeris di dalam *Malaysiakini*.

(3) Manakala komen-komen untuk laman blog pula, pihak pendakwaan memanggil saksi SP16 En Mazlan bin Othman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi. Memberi keterangan secara lisan akan komen di laman web Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan laman web Buku Tetamu Pejabat DYMM Sultan Perak, namun begitu tidak ada satu dokumen pun dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk menyokong keterangan SP16 ini, dan juga tidak ada keterangan akan kaitan sidang akhbar tertuduh dengan kenyataan di dalam laman web Kerajaan Negeri Perak yang dapat dikaitkan.

(4) Laporan polis oleh tiga saksi awam iaitu SP10, P11 dan P17 melalui report P17, 21 dan 22 merujuk kepada apa yang mereka tonton di dalam Berita TV3 jam 8 malam yang mana pihak pendakwaan telah gagal kemukakan sebagai bahan bukti apa yang terkandung di dalam berita tersebut, sekadar memanggil pemberitanya SP9 En Ing Boon Sing.

(5) Keterangan pegawai penyiasat SP19 bahawa terdapat sebanyak 103 laporan polis keatas tertuduh, antara mereka seramai tiga pengadu dipanggil iaitu SP10, 11 dan 17 dan apa yang dibuktikan ialah kemarahan dan kebencian pengadu terhadap tertuduh bukan kemarahan terhadap Tuanku DYMM Sultan Perak.

(6) Hujahan Pendakwaan bahawa sidang akhbar di hadapan pemberita-pemberita sebagai orang yang mendengar hasutan tertuduh dan mereka merasakan tidak puas hati adalah tidak boleh diterima oleh kerana tiada soalan dicadangkan kepada pemberita-pemberita semasa mereka memberi keterangan di Mahkamah akan perasaan mereka atas

kenyataan tertuduh. Keterangan hanya berkisar kepada bidang tugas mereka dan fahaman mereka akan isi sidang akhbar tersebut semata-mata. Mahkamah mempercayai hujahan pendakwaan atas isu ini dibuat selepas baru terfikir (*afterthought*). A

**[65]** Lanjutan dari penumpuan beliau kepada akibat sidang akhbar responden, YA hakim bicara telah membuat dapatan berikut: B

> Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan inti pati yang diperlukan oleh s 3(1) Akta tersebut iaitu *kaitannya atau akibat* dari kenyataan tersebut membawa kepada kecenderungan kebencian atau penghinaan atau bangkit perasaan benci, menghina, perasaan tidak setia terhadap Raja. C

YA hakim bicara telah tidak begitu jelas tentang apa yang dicarinya. Seperti yang telah kami huraikan, yang penting bukan kaitannya perkataan-perkataan responden dengan apa sebenarnya telah berlaku di Masjid Ubudiah, dengan komen-komen dalam laman web Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak dan laman web Buku Tetamu Pejabat DYMM Sultan Perak atau dengan P17, P21 dan P22, tetapi sama ada perkataan-perkataan responden mempunyai kecenderungan menghasut. D

**[66]** Selepas merujuk kepada *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* dan menyatakan bahawa kes di hadapan beliau 'terjatuh di bawah seksyen 3(1)(a)' YA hakim bicara menyatakan: E

> Saya tidak bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan seolah-olah meletakkan tanggunggan keras (*strict liability*) ke atas kes-kes hasutan di mana pihak pendakwaan menghujahkan mereka hanya perlu membuktikan sesuatu kenyataan itu dibuat dan sudah memadai. Berasaskan kepada penghakiman dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* adalah jelas bahawa Mahkamah perlu meneliti dan menilai sesuatu ucapan pada setiap baris dan perenggan sama ada ianya *diniatkan sebagai satu ucapan yang dibenarkan atau sebagai satu hasutan seperti* yang ditakrifkan di bawah s 3(1) Akta. F G

**[67]** Pada hemat kami itu adalah satu salah arahan yang serius kerana seperti yang telah kami huraikan, bagi kesalahan menghasut di bawah s 4(1)(b) Akta 15, niat responden bukanlah keperluan yang perlu dibuktikan. Jadi persoalan sama ada responden meniatkan perkataan-perkataan dalam kenyataan akhbarnya sebagai satu hasutan bukanlah persoalan yang betul dan perlu untuk diputuskan (lihat *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*). Dalam kes *Public Prosecutor v Mark Koding* mahkamah menyatakan: H I

> Thus, it is immaterial whether the accused's intention or motive was honourable or evil when making the speech.

**[68]** Seterusnya di bawah tajuk 'Penelitian oleh Mahkamah akan maksud di

setiap perenggan di dalam sidang media oleh tertuduh', YA hakim bicara telah menterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia perenggan demi perenggan perkataan-perkataan yang dituturkan oleh responden dalam Bahasa Inggeris seperti yang terkandung dalam P3 (dan dirakamkan juga dalam P8). Terjemahan tersebut adalah seperti di mst 103–105, jilid 1, rekod rayuan. Selepas itu YA hakim bicara menyatakan:

> Saya berpendapat bahawa sidang media tertuduh tidak terjumlah kepada suatu kecenderungan menghasut yang mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan. Walaupun terdapat 103 laporan polis namun kesemuanya menjurus kepada kemarahan dan kebencian pengadu terhadap tertuduh dan bukannya terhadap Tuanku DYMM Sultan Perak.

**[69]** Dalam penghakiman kami, berdasarkan kepada alasan-alasan yang akan kami huraikan sebentar lagi, YA hakim bicara telah membuat kesimpulan yang tidak betul yang mewajarkan kami mengubahnya. Di akhir penghakimannya YA hakim kelihatan tidak pasti dengan keputusannya itu kerana di bahagian penutup beliau menyatakan jika pun sidang akhbar responden 'terjatuh kepada kecenderungan menghasut', beliau memutuskan bahawa perkataan-perkataan responden dalam sidang akhbar itu termasuk dalam kecualian di bawah s 3(2)(a) Akta 15:

> Saya berpendapat bahawa sidang akhbar oleh tertuduh itu dibuat bukan untuk tujuan kecenderungan menghasut di bawah s 3(1) *jika pun terjatuh kepada kecenderungan menghasut seperti yang dihulahkan oleh pihak pendakwaan melalui kes Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* dan *Public Prosecutor v Fan Yew Teng* [1975] 1 MLJ 176, saya berkeputusan juga bahawa kenyataan tertuduh itu termasuk di dalam kecualian di bawah s 3(2)(a) Akta Hasutan 1948 ianya berkencerungan menunjukkan kekeliruan dan kesilapan di pihak Tuanku Sultan dalam isu peruntukan undang-undang semata-mata di dalam Perlembagaan Negeri Perak, atas situasi yang berlaku pada masa itu.

**[70]** Kami menerima hujah responden bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kaitan di antara perkataan-perkataan responden dalam akhbarnya dengan kejadian demostrasi di Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar. Tidak terdapat keterangan yang membuktikan dengan jelas bahawa demostrasi tersebut telah disebabkan semata-mata oleh perkataan-perkataan responden. Begitu juga dengan P17, P21 dan P22. Ketiga-tiga saksi (SP10, SP11 dan SP17) yang masing-masingnya telah membuat P17, P21 dan P22 menyatakan bahawa mereka membuat laporan mereka masing-masing selepas menonton rancangan berita jam 8 malam yang disiarkan oleh TV3. Dengan keputusan Mahkamah Tinggi tidak menerima dalam keterangan klip rakaman rancangan berita jam 8 malam pada 6 Februari 2009 oleh TV3, tidak ada keterangan yang jelas untuk membuktikan apakah berita yang telah disiarkan tentang sidang akhbar responden dalam rancangan berita TV3 jam 8 malam itu. Ini bererti

tidak ada keterangan yang jelas untuk membuktikan bahawa laporan-laporan polis tersebut telah dibuat semata-mata akibat dari apa yang dikatakan oleh responden dalam sidang akhbar beliau. Tidak juga terdapat keterangan yang mencukupi untuk membuktikan bahawa komen-komen dalam laman web Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak dan laman web Pejabat DYMM Sultan Perak telah disebabkan semata-mata oleh perkataan-perkataan responden dalam sidang akhbarnya. Tetapi ini tidak bererti bahawa kes prima facie bagi kesalahan menghasut seperti dalam pertuduhan terhadap responden tidak boleh terbukti. Ini adalah kerana adalah tidak material sama ada perkataan-perkataan tersebut boleh mengakibatkan atau pada hakikatnya telah mengakibatkan mana-mana akibat yang disenaraikan di bawah s 3(1) Akta 15 (lihat *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*). Apa yang penting iaiah sama ada perkataan-perkataan tersebut mempunyai kecenderungan menghasut di bawah mana-mana satu atau lebih dari enam kecenderungan menghasut yang diperuntukkan di bawah s 3(1). Itu persoalan penting yang mesti ditimbangkan oleh mahkamah. Dalam memutuskan persoalan tersebut mahkamah hendaklah menimbangkan pertamanya, bahagian-bahagian tertentu perkataan-perkataan responden dalam kenyataan akhbar tersebut. Kedua, mahkamah hendaklah menimbangkan keseluruhan perkataan-perkataan responden dalam kenyataan akhbar tersebut dan ketiga mahkamah hendaklah juga menimbangkan konteks dalam mana perkataan-perkataan tersebut diucapkan. Dalam *Public Prosecutor v Mark Koding*, Mohamed Azmi H (pada masa itu) menyatakan:

> From the judgment of the Federal Court in the reference pertaining to this case, it was held that whether or not the accused's speech as contained in Appendix 'X' was seditious within the Act will depend, firstly, on a reading of particular parts of it, secondly, on a reading of it as a whole, and, thirdly, on consideration of the context in which it was made.

**[71]** Apa yang dimaksudkan dengan pertimbangan tentang keseluruhan perkataan-perkataan yang didakwa menghasut telah dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Public Prosecutor v Oh Keng Seng*:

> We are only in partial agreement with what the learned trial judge considered to be the proper approach to the question as to whether those parts of the speech now alleged by Mr Mahalingam to be seditious are indeed so. We agree that particular words or sentences taken out of context 'may sound obnoxious or innocuous and that this might convey an altogether wrong impression'. *However to say that to determine whether particular passages are seditious the speech in which such words are uttered should be read as a whole is. with respect going too far if by that is meant that in a long speech two passages (or for that matter four) cannot be seditious if numerous other topics discussed are not seditious. At most one could say that the speech as a whole would assist in giving the court a proper perspective of and so assist it to decide whether the passage giving offence were mere episodes of over exuberance in a speech coming fairly under the exceptions envisaged in s 3(2) or something more than that.*

**[72]** Sehubungan ini dalam *Public Prosecutor v Param Cumaraswamy* [1986] 1 MLJ 512, Chan H (pada masa itu) menyatakan:

> In deciding whether the words have this tendency, it is proper (to borrow the words of Coleridge J in *Rex v Aldred* at p 3).
>
> > … to look at all the circumstances surrounding the publication with the view of seeing whether the language used is calculated to produce the results imputed; that is to say, you are entitled to look at the audience addressed, because language which would be innocuous, practically speaking, if used to an assembly of professors or divines, might produce a different result if used before an excited audience of young and uneducated men.
>
> On the other hand (to use the language of Cave J in *Reg v Burns*):
>
> > A man cannot escape from the consequences of uttering words with (a seditious tendency) solely because the persons to whom they are addressed may be too wise or too temperate to be seduced (by those words).
>
> Therefore words are seditious (1) if they are likely to incite or influence the audience actually addressed or (2) if they are likely to incite or influence ordinary people even though the audience addressed was unaffected by the words.

**[73]** Seperti yang telah kami nyatakan, mahkamahlah yang mesti memutuskan sama ada perkataan-perkataan responden itu menghasut atau tidak (lihat *Public Prosecutor v Mark Koding*). Mahkamahlah yang mesti membuat garis yang memisahkan pandangan atau komen politik yang dibenarkan oleh undang-undang dari perkataan-perkataan yang menghasut. Hal ini dijelaskan oleh mahkamah dalam *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*:

> A line must therefore be drawn between the right to freedom of speech and sedition. In this country the court draws the line. The question arises: where is the line to be drawn; when does free political criticism end and sedition begin? In my view, the right to free speech speech ceases at the point where it comes within the mischief of s 3 of the Sedition Act. The dividing line between lawful criticism of Government and sedition is this — if upon reading the impugned speech as a whole the court finds that it was intended to be a criticism of Government policy or administration with a view to obtain its change or reform, the speech is safe. But if the court comes to the conclusion that the speech used naturally, clearly and indubitably, has the tendency of stirring up hatred, contempt or disaffection against the Government, then it is caught within the ban of paragraph (a) of s 3(1) of the Act. In other contexts the word 'disaffection' might have a different meaning, but in the context of the Sedition Act it means more than political criticism; it means the absence of affection, disloyalty, enmity and hostility. To 'excite disaffection' in relation to a Government refers to the implanting or arousing or

stimulating in the minds of people a feeling of antagonism, enmity and disloyalty tending to make government insecure. If the natural consequences of the impugned speech is apt to produce conflict and discord amongst the people or to create race hatred, the speech transgresses paras (d)–(e) of s 3(1). Again para (f) of s 3(1) comes into play if the impugned speech has reference to question any of the four sensitive issues – citizenship, national language, special rights of the Malays and the sovereignty of the Rulers.

**[74]** Dengan pendekatan yang tersebut itu kami mempertimbangkan perkataan-perkataan dalam kenyataan akhbar responden (P3).

**[75]** Perenggan Pertama: Responden menyatakan bahawa pemecatan Menteri Besar Perak, Dato' Seri Haji Nizar bin Jamaluddin yang dikatakan menurut perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak adalah jelas *ultra vires* (melampaui bidang kuasa) peruntukan tersebut.

**[76]** Apakah pengertian yang disampaikan oleh perkataan-perkataan tersebut? Pertama, DYMM Sultan yang bertindak mengikut perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak sebenarnya tidak tahu bidang kuasa Baginda di bawah peruntukan tersebut. Atau kedua, Baginda tahu bahawa di bawah perkara 16(6) Baginda tidak boleh memecat Menteri Besar Dato' Seri Nizar tetapi Baginda bertindak juga memecat Menteri Besar itu. Ertinya, Baginda sengaja melanggar peruntukan Perlembagaan Negeri. Pada hemat kami tidak kira mana satu dari pengertian yang tersebut itu disampaikan kepada rakyat biasa, perkataan-perkataan tersebut jelas mempunyai kecenderungan untuk mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap Baginda. Pada kami adalah jelas bahawa dengan perkataan-perkataan tersebut, responden sebenarnya telah mempersoalkan kuasa dan prerogatif DYMM Sultan di bawah perkara 16(6). Sama ada kenyataan responden di perenggan pertama itu benar atau tidak, adalah tidak material (lihat *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik, Public Prosecutor v Mark Koding, Public Prosecutor v Oh Keng Seng*). Apa yang penting ialah dalam perenggan tersebut responden mengucapkan kata-kata yang membawa erti bahawa Sultan telah bertindak tidak mengikut Perlembagaan. Ertinya, responden menyatakan Sultan tidak hormatkan undang-undang. Memanglah benar semasa responden mengadakan sidang akhbar tersebut kes Dato' Seri Nizar belum lagi diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Namun begitu kebenaran kenyataan responden bahawa DYMM telah bertindak *ultra vires* perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak boleh dipersoalkan kerana sebelum kes Dato' Seri Nizar diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan pun (lihat *Dato' Seri Ir Haji Mohammad Nizar Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir; Attorney General (interverner)* [2010] 2 MLJ 285; [2010] 2 CLJ 925) memang telah ada autoriti yang menyokong tindakan DYMM Sultan tersebut (lihat *Datuk (Datu) Amir Kahar bin Tun Datu Haji Mustapha v Tun Mohd Said*

*bin Keruak Yang di-Pertua Negeri Sabah & Ors* [1995] 1 MLJ 189 ('*Amir Kahar 2*'), *Adegbenro v Akintola* [1963] AC 614, *Mahabir Prasad Sharma v Prafulla Chandra Ghose and others* AIR 1969 Cal 198).

**[77]** Perenggan kedua: Responden menyatakan bahawa di sisi undang-undang keputusan Sultan Perak boleh dipersoalkan di mahkamah. Ini adalah berdasarkan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan (dianggotai oleh lima orang hakim) yang memutuskan bahawa keputusan Yang Di-Pertuan Agong boleh diubah jika ianya dibuat *ultra vires* Perlembagaan Persekutuan.

**[78]** Tidak timbul keraguan bahawa kes Mahkamah Persekutuan yang dimaksudkan itu ialah kes *Re Tan Boon Liat* [1977] 2 MLJ 108:

**[79]** Perenggan ketiga: Perenggan ini adalah lanjutan dari perenggan kedua. Di perenggan ini responden menyatakan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan yang telah melalui ujian masa selama 32 tahun, tidak ada sebarang keraguan bahawa Sultan Perak telah melanggar perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak. Ini adalah kali kedua responden menyatakan DYMM Sultan Perak telah bertindak tidak mengikut undang-undang.

**[80]** Perayu-perayu dalam kes *Re Tan Boon Liat* telah dikenakan perintah tahanan di bawah s 4(1) Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969. Mereka telah membuat representasi kepada lembaga penasihat terhadap perintah tahanan tersebut, tetapi Lembaga Penasihat telah tidak mengemukakan syor kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan dari tarikh perintah tersebut seperti yang diperuntukkan oleh perkara 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun Yang di-Pertuan Agong telah mengesahkan perintah-perintah tahanan mereka itu. Perayu-perayu telah memohon writ *habeas corpus* dan mendakwa bahawa tahanan berterusan mereka selepas tamat tempoh tiga bulan dari tarikh perintah tahanan (dalam masa mana Lembaga Penasihat telah tidak mengemukakan syor kepada Yang di-Pertuan Agong) adalah tidak sah. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa kegagalan lembaga penasihat menjalankan tanggungjawabnya dalam masa tiga bulan yang ditetapkan oleh undang-undang menjadikan penahanan berterusan perayu-perayu selepas tempoh tiga bulan tersebut tidak sah. Mahkamah Persekutuan juga memutuskan bahawa walaupun perintah-perintah tahanan berkenaan telah disahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, keputusan Baginda adalah *ultra vires* dan boleh dibetulkan oleh mahkamah. Jadi, dalam kes tersebut mahkamah tidak membuat keputusan tentang kuasa dan prerogatif Yang di-Pertuan Agong di bawah peruntukan yang serupa atau mempunyai kesan yang serupa dengan perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak. Oleh yang demikian adalah tidak betul bagi responden menyatakan dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut, tiada sebarang

keraguan bahawa Sultan Perak telah melanggar perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak. Kalau pun betul kenyataan responden di perenggan ketiga itu, ianya tidaklah material. Yang penting ialah sama ada pekataan-perkataan yang diucapkan dalam perenggan tersebut, mempunyai kecenderungan menghasut di bawah mana-mana enam perenggan di bawah s 3(1) Akta 15. Adalah jelas bahawa *Re Tan Boon Liat* tiada kena mengena dengan perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak. Dalam kes tersebut Mahkamah Persekutuan tidak membuat keputusan tentang perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak atau pun sebarang peruntukan yang serupa dalam Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan mana-mana negeri. Jadi, kenyataan responden bahawa 'with that ruling of the Federal Court which has stood the test of time for 32 years, beyond a pale of a doubt, the Sultan of Perak has contravend Article 16(6)', adalah tidak tepat. Dalam pengamatan kami perkataan-perkataan 'beyond a pale of doubt, the Sultan of Perak has contravened Article 16(6)', (yang tidak tepat), membawa pengertian bahawa DYMM Sultan Perak telah tidak mematuhi dan tidak menghormati undang-undang. Bagi kami ini jelas mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap DYMM Sultan Perak.

**[81]** Perenggan keempat: Responden menyatakan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat masih sah. Suruhanjaya Pilihan Raya melalui Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, telah menyatakan bahawa terdapat keraguan dalam kekosongan kerusi-kerusi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri PKR di Changkat Jering dan Behrang selepas surat yang dikemukakan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Pakatan, V Sivakumar berkaitan dengan surat-surat perletakan jawatan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri tersebut dicabar oleh penafian oleh kedua-dua ahli Dewan Undangan Negeri tersebut. Ini mencetuskan peruntukan di bawah perkara 33(1).

**[82]** Perenggan kelima: Ini adalah sambungan kepada perenggan keempat. Di perenggan ini responden menyatakan oleh itu Dewan Undangan Negeri yang sepatutnya memutuskan status Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri tersebut dan bukannya Sultan Perak yang memutuskan bahawa mereka tinggal sebagai ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bebas walaupun telah mengemukakan surat-surat perletakan jawatan tanpa tarikh kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Perak dan, oleh itu dengan kehadiran mereka di Istana dan sumpah setia mereka kepada Barisan Nasional bersama-sama ahli Dewan Undangan Negeri DAP bagi kerusi Jelapang, Hee Yit Foong, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak lagi boleh memerintah.

**[83]** Perenggan keenam: Responden menyatakan pandangannya bahawa sehingga Dewan Undangan Negeri menggunakan peruntukan perkara 33(1), Mohd Osman Mohd Jailu dan Jamaluddin Mohd Radzi kekal sebagai ahli Dewan Undangan Negeri PKR bersama-sama dengan ahli Dewan Undangan

Negeri Jelapang, Hee Yit Foong yang kekal dalam DAP sehingga surat peletakan jawatan beliau diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri menurut perkara 33(1) dengan itu menyebabkan Pakatan Rakyat mempunyai 31 ahli dalam Dewan yang mempunyai 60 orang ahli. Oleh itu tidaklah boleh dikatakan bahawa Sultan Perak bertindak intra vires perkara 16(6) apabila baginda memutuskan bahawa Menteri Besar Nizar Jamaluddin telah terhenti mempunyai keyakinan majoriti ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan oleh itu dikehendaki meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipengerusikannya.

**[84]** Asas pandangannya itu ialah perkara 33(1). Berdasarkan kepada kes *Amir Kahar 2*, *Adegbenro v Akintola*, *Mahabir Prasad*, ketepatan pandangan responden itu boleh dipertikaikan. Jika pandangan responden itu tepat dan benar sekalipun ianya tidaklah material. Yang penting ialah sama ada kenyataannya itu mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan, terhadap DYMM Sultan Perak atau kecenderungan bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Baginda. Ini adalah kali ketiga responden menyatakan bahawa DYMM Sultan Perak tidak bertindak menurut perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak. Apakah *impression* rakyat biasa apabila DYMM Sultan dikatakan tidak mengikut undang-undang? Jawapannya ialah — DYMM Sultan tidak menghormati undang-undang. Pada hemat kami kata-kata responden itu mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan penghinaan atau kebencian kepada DYMM Sultan Perak. Kata-kata responden itu juga mempunyai kecenderungan bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Baginda.

**[85]** Perenggan ketujuh: Responden menyatakan jelaslah (*clearly*) Sultan Perak tidak boleh menggunakan kuasa-kuasanya di bawah perkara 16(1) untuk melantik Majlis Mesyuarat Kerajaan Barisan Nasional dengan Menteri Besar baru. Kerajaan Menteri Besar Dato' Seri Hj Nizar bin Jamaluddin masih mempunyai keesahan dan kekuasaan di sisi Perlembagaan. Tindakan Sultan Perak adalah jelas pra-matang.

**[86]** Kenyataan ini merupakan lanjutan dari pandangan yang dinyatakan oleh responden dalam perenggan-perenggan yang terdahulu yang berakhir dengan rumusan beliau di perenggan keenam bahawa Kerajaan Menteri Besar Dato' Seri Nizar masih sah. Berdasarkan kepada kes-kes *Amir Kahar 2, Adegbenro* dan *Mahabir Prasad*, pandangan responden itu boleh dipertikaikan. Kuasa DYMM Sultan Perak untuk melantik Menteri Besar jelas di peruntukkan di bawah perkara 18(2)(a) Perlembagaan Negeri Perak. Bagi kami kenyataan di perenggan ini jelas mempunyai kecenderungan bagi mempersoalkan prerogatif DYMM Sultan Perak yang diperuntukkan di bawah perkara 18(2)(a) Perlembagaan Negeri Perak. Perkara 18(2) Perlembagaan

Negeri Perak mengandungi kuasa prerogatif DYMM Sultan Perak yang dilindungi oleh perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Di bawah Perkara tersebut di antara lainnya DYMM Sultan Perak, boleh, menurut budi bicara Baginda melantik seorang Menteri Besar:

> His Royal Highness may act in his discretion in the performance of the following functions (in addition to those in the performance of which he may act in his discretion under the Federal Constitution) that is to say-fa) the appointment of a Menteri Besar …

**[87]** Oleh itu perkataan-perkataan responden itu jelas mempunyai kecenderungan menghasut yang diperuntukkan di bawah s 3(1)(f) Akta 15. Kenyataan tersebut juga memberikan pengertian bahawa DYMM Sultan Perak bertindak tidak menurut Perlembagaan dan ini mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan kepada Baginda atau kecenderungan bagi menimbulkan rasa tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Baginda.

**[88]** Perenggan kelapan: Responden menyatakan: saya meminta Sultan berhenti dan menghentikan melantik Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Barisan Nasional petang ini. Ini bukanlah satu ugutan kepada Sultan, tetapi satu peringatan tegas bahawa beliau dikehendaki bertindak dalam lingkungan dan had Perlembagaan Negeri Perak, iaitu, undang-undang tertinggi di dalam negeri itu.

**[89]** Kenyataan responden bahawa 'Ini bukanlah satu ugutan kepada sultan' (*this is no way should be constituted as a threat to the Sultan*), tidak banyak dapat mengurangkan bisa kenyataan tersebut, iaitu bahawa ini bukanlah satu ugutan kepada Sultan, tetapi adalah satu peringatan tegas kepada Sultan supaya beliau bertindak menurut perlembagaan. Adakah terfikir di fikiran rakyat biasa DYMM Sultan Perak bahawa orang boleh memberi peringatan tegas kepada Baginda? Kami fikir tidak. Apakah *impression* yang akan disampaikan kepada orang biasa oleh peringatan tegas responden kepada DYMM Sultan? Jawapannya DYMM boleh diberi peringatan tegas (atau amaran). Pada hemat kami memberi nasihat kepada DYMM Sultan tentang keperluan perlembagaan atau memberikan pandangan undang-undang bahawa Baginda telah terkeliru atau tersilap adalah satu perkara yang amat berbeza dari memberikan satu peringatan tegas kepada DYMM Sultan untuk mengikuti undang-undang. Apatah lagi jika seperti yang berlaku dalam kes ini peringatan tegas itu diberi dalam satu sidang akhbar — di khalayak wartawan-wartawan, jurukamera dan wakil-wakil media. Dalam penghakiman kami, tidak syak lagi perkataan-perkataan responden dalam kenyataannya di perenggan tersebut bukan sahaja telah melampaui batas-batas peradaban dalam hubungan di antara Raja dengan rakyat, tetapi jelas mempunyai kecenderungan bagi

merendahkan martabat DYMM Sultan Perak, dan mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap Baginda sebagai seorang Raja berperlembagaan (*constitutional monarch*). Pada hemat kami perkataan-perkataan responden memberikan peringatan tegas kepada DYMM Sultan Perak juga mempunyai kecenderungan bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Baginda kerana Baginda yang amat dihormati dan disanjung serta yang menjadi payung kepada mereka untuk bernaung, boleh dan telah pun diberi peringatan tegas.

**[90]** Perenggan kesembilan: Responden menyatakan perkataan-perkataan berikut oleh Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah dalam sumpah taat setia di Istana Iskandariah pada 3 Februari 2009 wajar diulangi:

> Raja sebagai Ketua Negeri perlu neutral, tidak menyebelah mana-mana pihak dan tidak mempunyai kepentingan peribadi untuk memastikan keadilan bagi semua rakyat.

**[91]** Perenggan kesepuluh: Responden menyatakan Raja Nazrin juga berkata bahawa kuasa yang diamanahkan oleh Allah hendaklah dilaksanakan dengan tanggungjawab kerana Raja akan diadili di akhirat. Oleh itu beliau berkata bahawa kuasa hendaklah dijalankan untuk melaksanakan amalan yang baik, dan Baginda menambah bahawa kemuliaan, kehormatan, kedudukan dan kedaulatan tidak datang secara automatik.

**[92]** Perenggan kesebelas: Responden menyatakan adalah pandangan beliau bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang diketuai oleh Nizar Jamaluddin hendaklah dibenarkan menggunakan peruntukan perkara 33(1) tanpa halangan dari mana-mana pihak. Selepas itu barulah campur tangan Sultan Perak boleh terjadi jika ianya perlu.

**[93]** Perenggan kedua belas: Jika Sultan berkeras (*persists*) melantik Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Menteri Besar Barisan Nasional, Pakatan Rakyat tidak mempunyai pilihan melainkan mendapatkan perisytiharan Kehakiman demi kepentingan rakyat Perak. Prosiding mahkamah itu tidak dapat tidak akan memasukkan Kerajaan Negeri yang baru. Ini seterusnya akan mengakibatkan kebimbangan, kecemasan dan kerisauan yang tidak sepatutnya berlaku dan harus dielakkan dalam apa jua keadaan.

**[94]** Dengan kenyataan tersebut, responden memberikan kata dua kepada DYMM Sultan Perak. Kata dua ini adalah lanjutan dari peringatan tegas yang diberi oleh responden kepada Baginda di perenggan kelapan. Ertinya, responden memberi kata dua kepada DYMM Sultan — jika DYMM Sultan berkeras melantik Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Menteri Besar Barisan

Nasional, Pakatan Rakyat akan mengambil tindakan mahkamah. Walaupun Pakatan Rakyat yang dikatakan akan mengambil tindakan mahkamah, yang memberi peringatan tegas kepada DYMM Sultan ialah responden. Pada kami dengan kata-kata dua tersebut responden terus mempertikaikan prerogatif DYMM Sultan melantik Menteri Besar seperti yang diperuntukkan di bawah perkara 18(2)(a) Perlembagaan Negeri Perak yang dilindungi oleh perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Ini bererti perkataan-perkataan responden dalam perenggan ini mempunyai kecenderungan menghasut di bawah s 3(1)(f) Akta 15. Apakah pengertian perkataan-perkataan responden yang mengandungi kata dua itu kepada rakyat biasa? Bagi kami jawapan kepada soalan tersebut ialah — bukan sahaja DYMM Sultan Perak boleh diberi peringatan tegas, Baginda juga boleh diberi kata dua. Dalam pengamatan kami seperti juga halnya dengan kata-kata responden memberi peringatan tegas kepada DYMM Sultan, pemberian kata dua tersebut juga bukan sahaja telah melampaui batas-batas peradaban dalam hubungan di antara Raja dengan rakyat tetapi jelas mempunyai kecenderungan bagi merendahkan martabat DYMM Sultan Perak, dan mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap Baginda. Perkataan-perkataan responden dalam perenggan ini juga mempunyai kecenderungan bagi menimbulkan rasa tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat DYMM Sultan Perak, kerana Baginda yang merupakan Raja pemerintah dalam negeri mereka bukan sahaja telah diberikan peringatan tegas tetapi boleh juga diberi kata dua (*ultimatum*).

**[95]** Dalam hujahnya dengan merujuk kepada keputusan kes *Re Tan Boon Liat*, responden menyatakan bahawa lima orang hakim Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Yang di-Pertuan Agong bertindak *ultra vires*. Responden menimbulkan pertanyaan sama ada apa yang dikatakan oleh hakim-hakim tersebut menghasut? Menurut responden dalam kes Teh *Cheng Poh v Public Prosecutor*, lima orang hakim di Privy Council memutulkan bahawa Yang di-Pertuan Agong bertindak *ultra vires*. Responden menimbuikan persoalan adakah hakim-hakim tersebut bersalah menghasut?. Menurut responden beliau juga menyatakan perkara yang serupa (DYMM Sultan Perak bertindak *ultra vires*). Sehubungan ini juga responden merujuk kepada kes semakan kehakiman Datuk Seri Nizar di Mahkamah Tinggi dan menyatakan bahawa apabila beliau menyatakan Sultan boleh dibawa ke mahkamah, PKP Jabatan Peguam Negara bersetuju dengan beliau apabila PKP tersebut menyatakan bahawa DYMM Sultan sepatutnya boleh dinamakan. Responden menyoal tidakkah PKP itu patut dituduh kerana menyebut kata-kata menghasut? Dan tidakkah peguam negara juga patut dituduh bersubahat kerana membenarkan PKP tersebut menyatakan kata-kata tersebut.

**[96]** Di akhir hujahnya responden menyatakan bahawa beliau telah bersusah payah menyediakan autoriti *Re Tan Boon Liat* yang dilampirkan dengan

kenyataan akhbar beliau, dan menambah bahawa beliau juga telah menyatakan dalam sidang akhbar tersebut jika beliau silap, Sultan boleh merujukkan perkara ini ke Mahkamah Persekutuan. Responden mempersoalkan dalam keadaan yang sedemikian di manakah silapnya beliau? Responden berhujah beliau semata-mata menjalankan tanggungjawab beliau sebagai ahli Parlimen.

**[97]** Tentang persoalan responden sama ada YA hakim — hakim dalam kes *Re Tan Boon Liat* dan *Teh Cheng Poh* boleh dikatakan menghasut apabila mereka memutuskan bahawa Yang di-Pertuan Agong bertindak *ultra vires*, jawapan ringkas kami ialah bahawa apa yang dinyatakan oleh YA hakim-hakim tersebut telah dibuat oleh mereka dalam menjalankan tugas rasmi Kehakiman mereka (iaitu dalam penghakiman mereka). Begitu juga dengan apa yang didakwa oleh responden telah dikatakan oleh PKP. Apa yang dinyatakan oleh PKP itu telah dibuat dalam Mahkamah Tinggi ketika beliau berhujah mempertikaikan permohonan semakan kehakiman Datuk Seri Muhammad Nizar Jamaluddin. Apa yang berlaku dalam situasi-situasi yang dirujuk oleh responden itu amat besar perbezaannya dari apa yang dilakukan oleh responden yang telah menyatakan perkataan-perkataan yang didakwa menghasut itu dalam sidang akhbar yang diadakan oleh beliau. Kami menyedari dan telah menimbangkan hakikat bahawa responden adalah seorang ahli Parlimen dan peguam kanan termasyhur yang mempunyai hak untuk membuat komen politik dan/atau pandangan mengenai Perlembagaan dan undang-undang. Tetapi hak dan kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perlembagaan itu tidak mutlak. Kebebasan bersuara yang dijamin itu bererti seseorang itu berhak bercakap, menulis atau menerbitkan apa yang disukainya asalkan dengan berbuat demikian dia tidak melanggar undang-undang. Hal ini telah dijelaskan oleh mahkamah dalam *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*:

> It is of course true, as a general statement, that the greatest latitude must be given to freedom of expression. It would also seem to be true, as a general statement, that free and frank political discussion and criticism of government policies cannot be developed in an atmosphere of surveillance and constraint. But as far as I am aware, no constitutional state has seriously attempted to translate the 'right' into an absolute right. Restrictions are a necessary part of the 'right' and in many countries of the world freedom of speech and expression is, in spite of formal, safe-guards, seriously restricted in practice. In the United States all types of speech 'can claim no talismanic immunity from constitutional limitations. It must be measured by standards that satisfy the first amendment.' (see *New York Times Co v Sullivan*). The Supreme Court of India too has conceded that fundamental rights are subject to limitations in order to secure or promote the greater interests of the community. If I may quote a passage from *AK Gopalan v State of Madras*:
>
> > There cannot be any such thing as absolute or uncontrolled liberty wholly free from restraint; for that would lead to anarchy and disorder. The possession and enjoyment of all rights … are subject to such reasonable conditions as may be deemed to be, to the governing authority of the

> country, essential to the safety, health, peace and general order and moral of the community … What the Constitution attempts to do in declaring the rights of the people is to strike a balance between individual liberty and social control.

In England too, there is no unrestricted freedom of expression. Dicey's summary of the situation still holds good:

> Freedom of discussion in England is little else than the right to write or say anything which a jury of 12 shopkeepers think it expedient should be said or written. Such 'liberty' may vary at different times from unrestricted licence to severe restraint … the amount of latitude conceded to the expression of opinion has in fact varied greatly according to the condition of popular sentiment.

(See *Law of the Constitution*, (3rd Ed), at p 231). In this connection it is not out of place if I quote the well-known words of Sir Samuel Griffith CJ in *Duncan v State of Queensland*, which were quoted in the Privy Council case of *Freightlines, etc, Ltd v State of New South Wales*:

> But the word 'free' does not mean extra legem any more than freedom means anarchy. We boast of being an absolutely free people, but that does not mean that we are not subject to law.

My purpose in citing these cases is to illustrate the trend to which freedom of expression in the constitutional states tends to be viewed in strictly pragmatic terms. We must resist the tendency to regard right to freedom of speech as self-subsistent or absolute. The right to freedom of speech is simply the right which everyone has to say, write or publish what he pleases so long as he does not commit a breach of the law. If he says or publishes anything expressive of a seditious tendency he is guilty of sedition. The Government has a right to preserve public peace and order, and therefore, has a good right to prohibit the propagation of opinions which have a seditious tendency. Any government which acts against sedition has to meet the criticism that it is seeking to protect itself and to keep itself in power. Whether such criticism is justified or not, is, in our system of Government, a matter upon which, in my opinion, Parliament and the people, and not the courts, should pass judgment. Therefore, a meaningful understanding of the right to freedom of speech under the Constitution must be based on the realities of our contemporary society in Malaysia by striking a balance of the individual interest against the general security or the general morals, or the existing political and cultural institutions. Our sedition law would not necessarily be apt for other people but we ought always to remember that it is a law which suits our temperament.

**[98]** Kami juga telah menimbangkan keadaan semasa (*contemporary*

*situation*) dalam mana perkataan-perkataan responden telah dinyatakan. Tidak dapat dinafikan bahawa perkataan-perkataan responden disebut dalam keadaan di mana terdapat krisis politik di negeri Perak. Perkataan-perkataan responden itu telah dinyatakan dalam sidang akhbar yang diadakan oleh responden. Tiada keraguan di fikiran kami bahawa sidang akhbar tersebut dibuat dengan niat atau sekurang-kurangnya dengan harapan supaya apa yang dinyatakan dalam sidang akhbar tersebut akan disiarkan. Jika tidak sidang akhbar tidak perlu diadakan. Dalam sidang akhbar tersebut bukan sekali responden menyatakan perkataan-perkataan yang jelas membawa maksud bahawa DYMM Sultan Perak tidak menghormati dan tidak mengikut undang-undang. Selepas menyatakan bahawa pemecatan Menteri Besar Perak, Dato' Seri Nizar adalah jelas *ultra vires* perkara 16(6), dan bahawa keputusan Baginda boleh dipersoalkan di mahkamah, responden tidak berhenti di situ. Beliau terus berulang-kali menyatakan perkataan-perkataan yang jelas membawa pengertian bahawa DYMM Sultan Perak melanggar undang-undang, tidak mengikut undang-undang atau tidak menghormati undang-undang:

(a) *beyond a pale of doubt*, *the Sultan of Perak has contravened Article 16(6)* (Perenggan ketiga);

(b) *not the Sultan of Perak who determined that the assemblymen remained independent assemblymen* (perenggan kelima);

(c) *it cannot, therefore be said that the Sultan of Perak acted intra vires Article 16(6)* (perenggan keenam); dan

(d) *clearly, the Sultan of Perak cannot invoke his powers under Article 16(1)* (perenggan ketujuh).

**[99]** Di samping itu di perenggan ketujuh dan kelapan responden jelas mempersoalkan kuasa DYMM Sultan Perak untuk melantik Menteri Besar di bawah perkara 18(2)(a) Perlembagaan Negeri Perak.

**[100]** Bukan setakat itu sahaja. Dengan perkataan-perkataan beliau di perenggan kelapan, responden bukan setakat mempersoalkan kuasa DYMM Sultan Perak, malah beliau telah memberi peringatan tegas (amaran) kepada Baginda supaya menghentikan tindakan Baginda untuk melantik Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang baru. Peringatan tegas tersebut diikuti dengan pemberian kata dua (*ultimatum*) kepada Baginda dengan menyatakan perkataan-perkataan beliau seperti di perenggan kedua belas.

**[101]** Kami menyedari dan sentiasa akur bahawa di peringkat ini pun dalam menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap responden, kami mesti mempertimbangkan sama ada terdapat keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan. Jika

terdapat keraguan yang munasabah kes prima facie tidak terbukti (lihat *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, di ms 316). Setelah menimbangkan dengan teliti perkataan-perkataan responden seperti dalam P3 ayat demi ayat dan menimbangkan perkataan-perkataan tersebut secara keseluruhannya serta konteks dalam mana perkataan-perkataan tersebut disebut, dan setelah memberikan *latitude* sebanyak yang wajar kepada responden untuk memberikan komen politik dan pandangan undang-undang sebagai ahli Parlimen dan peguam kanan yang terkemuka, tiada keraguan di fikiran kami bahawa berdasarkan kepada undang-undang yang berkuat kuasa kini dan keterangan yang dikemukakan di mahkamah di peringkat ini, responden telah melepasi garis yang memisahkan pernyataan perkataan-perkataan yang dibenarkan oleh undang-undang dengan pemyataan perkataan-perkataan menghasut. Tiada keraguan di fikiran kami bahawa perkataan-perkataan responden itu bukan perkataan-perkataan yang mempunyai kecenderungan untuk menunjukkan bahawa DYMM Sultan Perak telah terkeliru atau tersilap. Oleh itu di peringkat ini pembelaan di bawah s 3(2)(a) Akta 15 adalah tidak terpakai. Kami berpuas hati bahawa perkataan-perkataan responden mempunyai kecenderungan:

(a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap DYMM Sultan Perak seperti yang diperuntukkan di bawah s 3(1)(a) Akta 15; dan

(b) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat DYMM Sultan Perak seperti yang diperuntukkan di bawah s 3(1)(d) Akta 15.

**[102]** Selanjutnya, tiada keraguan di fikiran kami bahawa perkataan-perkataan responden itu mempunyai kecenderungan yang diperuntukkan di bawah s 3(1)(f) Akta 15, iaitu, kecenderungan bagi mempersoalkan kuasa prerogatif DYMM Sultan Perak yang ditetapkan atau dilindungi di bawah perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

**[103]** Berdasarkan kepada alasan-alasan yang telah kami huraikan kami memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap responden bagi kesalahan menyebut perkataan-perkataan menghasut seperti mana pertuduhan terhadap beliau, iaitu satu kesalahan di bawah s 4(1)(b) Akta 15 yang boleh dihukum di bawah s 4(1) Akta yang sama.

**[104]** Oleh yang demikian, kami membenarkan rayuan pendakwa raya. Kami mengetepikan perintah YA hakim bicara yang melepas dan membebaskan responden, dan kami perintahkan supaya responden dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan yang dikenakan terhadap beliau di hadapan YA hakim bicara yang sama.

*Bantahan awal responden ditolak dan rayuan pendakwa raya dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum